



اُنْجُوْ سِيْتِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TEMUBUAL MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA LEBAR

ENCIK HAJI RAHMAD BIN SIDIN

Oleh:

MAISARAH BINTI MOKHTAR

2016648618

NUR HAZIMAH BINTI CHE ITHNIN

2016667962

Projek dimajukan kepada Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, Johor

Bagi memenuhi keperluan kursus

IMR 604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan

Semester 05 (Sept 2017 – Jan 2018)



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	1
ABSTRAK.....	2
SINGKATAN KATA	3
BIODATA PENULIS	4-5
Pengenalan	6-9
TRANSKRIP WAWANCARA	10-65
LOG WAWANCARA.....	66-69
KRONOLOGI.....	70
BIODATA TOKOH	71
SENARAI SOALAN.....	72-80
RALAT	81
RUMUSAN.....	82
SENARAI RUJUKAN.....	83
LAMPIRAN.....	84-89
INDEKS.....	

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Pertama kalinya, syukur yang tidak terhingga kepada Allah s,w,t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604- Pendokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Kami juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604- Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi Bin Ishak yang begitu sabar memberi galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tok Rahmad Bin Sidin iaitu mantan ketua Kampung Paya Lebar atas kesudian beliau untuk memberi kerjasamayang amat baik kepada kami bagi mendapatkan maklumat mengenai sejarah penempatan Kampung Paya Lebar ini. Semoga jasa baik beliau dirahmati Allah selalu dan hasil kajian ini dapat memberikan tanggapan yang baik kepada kepesatan aktiviti ekonomi dan akhlak penduduknya yang selalu bekerjasama dalam bersama-sama membangunkan kampung mereka. Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada rakan-rakan danpensayrah lain sera mereka yang secara langsung atau tidak langsungyang telah membantu kami bagi menyiapkan tugas ini dengan sebaik mungkin, Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa baik mereka.

2.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Haji Rahmad Bin Sidin mengenai sejarah Kampung Paya Lebar dan sedikit sebanyak memberi maklumat mengenai diri dan keluarga beliau dalam mengetuai kampung sebagai Mantan Ketua Kampung Paya Lebar. Transkrip ini dijalankan di balairaya serbaguna Kampung Paya Lebar pada 1 Disember 2017, bermula pada pukul 3.00 petang. Transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau dalam mengendalikan kampung, malahan dari segi sejarah yang berkisar di sini juga turut di sentuh dan ternyata sejarah di Kampung Paya Lebar ini banyak sejarah yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dari pelaksanaan yang teratur oleh jawatan tertinggi. Malahan, harapan yang teramat tinggi oleh ketua kampung untuk menaik taraf surau sangat menyentuh hati akan kesungguhan beliau untuk memastikan kemudahan asas penduduk kampung sentiasa dalam keadaan yang terbaik.

Kata kunci: Kampung Paya Lebar, Tok Rahmad, aktiviti

3.0 SINGKATAN KATA

1. **JKR** – JABATAN KERJA RAYA
2. **AJK** - AHLI JAWATAN KUASA
3. **JKKK** - JABATAN KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG
4. **JKKP** - JABATAN KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG
5. **JPAM** - JABATANPERTAHANAN AWAM MALAYSIA
6. **D.O** - DISTRICT OFFICER
7. **PKM**-PARTI KOMUNIS MALAYA
8. **UiTM**-UNIVERSITI INSTITUT TEKNOLOGI MARA
9. **DSP**-DISPEN TANGGA POLIS
10. **SRP**- SIJIL RENDAH PELAJARAN
11. **KKLW**- KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR WILAYAH

4.0 BIODATA PENULIS



Nama : Maisarah Binti Mokhtar

Tarikh Lahir : 02.06.1995

Umur : 22 Tahun

Keturunan : Melayu

Tempat Lahir : Kuala Lumpur

Alamat : No.38, Jalan Redan, Kampung Permatang Pasir, 71150, Linggi, Negeri Sembilan Darul Khusus.

No. telefon : 0127905134

BIODATA

Nama: Nur Hazima binti che ithnin

Tarikh lahir: 13 september 1995

Umur:22 tahun

Keturunan: Melayu

Tempat lahir: Johor bahru

5.0 PENGENALAN

Di Malaysia, serupa juga di negara-negara lain, cerita-cerita dan pengalaman zaman lampau akan lenyap ditelan zaman. Lebih-lebih lagi pada masa sekarang di mana manusia boleh berhubung dengan cepat melalui telefon, faks, email atau bersua muka, tradisi menulis surat-surat yang panjang, penyimpanan catatan-catatan harian dan persediaan memo yang lengkap sudah menjadi kurang penting. Dalam keadaan seperti ini, Sejarah Lisan boleh menentukan supaya tidak semua perkembangan ini dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah.

Satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Misalnya, bagi sejarah negeri-negeri Melayu. Cuma beberapa negeri sahaja yang mempunyai sumber-sumber asli yang berkaitan dengan perkembangan sejarah negeri tersebut, tetapi itupun hanya terhadap kepada kurun yang ke-19 sahaja. Masalah ini lebih serius kerana di Malaysia tidak terdapat satu tradisi menyimpan catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup. Di dalam hal ini, Sejarah Lisan boleh memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk Sejarah Malaysia di abad ini.

Di dalam usaha untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia tidak semestinya penulisan ditumpukan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Sesungguhnya perkara ini penting, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa sejarah itu merangkumi juga cerita dan peristiwa rakyat biasa. Maka tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajar. Di sinilah Sejarah Lisan sangat berguna kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Di Malaysia sungguhpun tradisi bertulis berkurangan tetapi ia kaya dengan tradisi lisan. Peluang untuk merakamkan warisan ini boleh dilaksanakan melalui projek Sejarah Lisan.

5.1 SEJARAH LISAN

Sejarah Lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh ini biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, dan juga kerana penglibatan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan

kemudian disemak dan ditaip. Akhirnya ia boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

5.2 KONSEP SEJARAH LISAN

Sejarah lisan juga bertujuan untuk mengumpulkan memori dan pengalaman orang yang mempunyai nilai signifikan dalam sesuatu isu sejarah tertentu. Penggunaan sejarah lisan sebagai salah satu daripada cabang sejarah menjadi penting disebabkan kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah.

Sejarah telah memainkan peranannya dalam melengkapkan sumber sejarah dan menjadi bahan bukti yang menyokong kepada sumber-sumber primer yang lain. Contohnya, Tucydides ketika menulis mengenai sejarah Perang Peloponnesia telah mengambil kira keterangan-keterangan saksi yang telah menyaksikan sendiri peristiwa peperangan tersebut. Sejarah lisan terus menjadi popular dan berkembang terutamanya dalam mengkaji sejarah social dan sejarah rakyat yang jarang didokumenkan.

Proses pengumpulan sumber, proses pengumpulan ini boleh dilakukan dalam beberapa cara iaitu wawancara, melakukan rakaman dan bahan-bahan bukti. Proses Transkripsi, proses ini merupakan antara proses yang penting, di mana memindahkan butir-butir percakapan dalam rakaman kepada bentuk tulisan, mendapat persetujuan orang sumber mengenai proses pentranskripsian.

5.3 KEPENTINGAN SEJARAH

Menurut Muhd Yusof Ibrahim (2009), sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhbararan seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam persejarahan, khususnya persejarahan Malaysia.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), satu daripada kelemahan besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Hal ini berkait rapat dengan tiadanya satu tradisi dalam kalangan masyarakat Malaysia untuk menyimpan catatan harian, menulis dokumen atau menulis riwayat hidup. Dalam keadaan ini, sumber lisan akan memainkan peranan penting dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang ada. Hal ini turut dinyatakan oleh Rozeman Abu Hassan (2004), di mana beliau mengatakan

bahawa pada dasarnya, tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mendapat dan memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan sudah hilang.

Begitu juga, kepentingan sumber lisan ini amat terasa dalam keadaan di mana kurangnya sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu (Muhd. Yusof Ibrahim, 2009: 162). Sebagai contoh, peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1941-1945. Sumber bertulis untuk kita mentafsir dan meneliti peristiwa pendudukan Jepun ini amatlah terhad. Walau bagaimanapun, kisah-kisah mengenainya masih banyak didapati dari mulut orang-orang tua yang masih hidup dan telah melalui zaman tersebut. Banyak cerita yang dapat kita dengar dan perolehi daripada mereka terutamanya mengenai kezaliman dan kesengsaraan hidup pada zaman tersebut.

Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi dalam sumber lisan ini sungguh bernilai dalam kita memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sesungguhnya, sejarah lisan amat unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Seperti yang kita tahu, sejarah mempunyai ruang-ruang kosong yang perlu dipenuhi. Dalam keadaan ini, sumber lisan boleh membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah.

Disamping itu, menurut Rozeman Abu Hassan (2004), sumber lisan juga bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini merangkumi proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang terlibat secara langsung atau hanya sekadar menyaksikan peristiwa tersebut. Selain itu, sumber lisan juga amat penting kepada generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut.

Begitu juga, kita perlu sedar bahawa penulisan sejarah Malaysia tidak seharusnya berfokuskan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Walaupun sesungguhnya perkara ini penting dan pada masa yang sama, kita tidak boleh menafikan bahawa sejarah itu turut merangkumi cerita dan peristiwa rakyat biasa. Sejarah bercorak tempatan dan sejarah negeri juga perlu diberikan fokus yang sewajarnya dalam persejajaranan Malaysia. Di sinilah sumber lisan amat penting kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Walaupun kurang sumber bertulis, rakyat amat kaya dengan tradisi lisan. Sumber lisan inilah yang akan digunakan oleh

sejarawan untuk menulis sejarah yang bercorak tempatan (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Kesimpulannya, sumber lisan mempunyai banyak kepentingan khasnya dalam pensejarahan. Sumber lisan penting untuk memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang ada, kekurangan sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu, membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah, memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan, penting kepada generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan serta menjadi sumber bagi sejarawan untuk menulis sejarah bercorak tempatan kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber bertulis.

5.4 KAMPUNG PAYA LEBAR

Kampung Paya Lebar merupakan kampung yang terhulu di Mukim Jementah, bertempat dekat dengan kawasan UiTM Segamat, di mana jalannya selalu menjadi kawasan utama untuk penuntut UiTM Segamat dan ahli PULAPOL berulang-alik. Kampung ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Di mana Kampung Paya Lebar ini merupakan pada dahulunya adalah hutan simpan dara yang penuh dengan keindahan hijau semulajadi. Dengan persekitaran yang indah dan aman sentosa, kampung ini kerap menerima lawatan dan kunjungan daripada pihak luar dan menteri beserta juga pengkaji sejarah untuk merongkai keunikan kampung ini. Selain itu juga, kampung ini merupakan kampung yang aktif dalam ekonomi setempat seperti pertanian dan penternakan. Penduduknya yang sentiasa bedaya saing dan produktif telah menyumbang kepada gelaran Kampung Daya Wawasan yang menjadi jolokan nama bagi kampung tersebut. Selain itu, kampung ini juga mempunyai peninggalan sejarah iaitu peninggalan kubur Komunis dan Jepun yang mana seperti mana diketahui umum, mempunyai sejarahnya yang tersendiri kepada seluruh rakyat di Malaysia tercinta ini. Maka, dengan itu, kami telah memilih Kampung Paya Lebar ini sebagai kampung bagi tajuk tugas kami pada kali ini iaitu sejarah penempatan Mukim Jementah. Diharap segala informasi yang disediakan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapat rujukan ilmiah yang dapat membantu kajian mereka pada masa akan datang.

6.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Rakaman dimulakan

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Paya Lebar. Bersama kami pada waktu ini seorang individu yang merupakan Ketua Kampung Paya Lebar iaitu Encik Rahmad Bin Sidin. Beliau adalah antara individu yang lebih mengetahui maklumat mengenai Kampung Paya Lebar. Wawancara ini telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejarah Kampung Paya Lebar. Rakaman ini dikehendalikan di balai raya serbaguna Kampung Paya Lebar dan di rumah beliau. Pada 30 (tersasul) 10 Disember 2017, jam 3 petang. Wawancara ini telah dikehendalikan oleh saya iaitu Maisarah Mokhtar dan juga kawan saya iaitu Nur Hazimah Bte Che Ithnin. Dengan ini, saya Maisarah Binti Mokhtar memulakan wawancara tersebut bersama Encik Haji Rahmad Bin Sidin. Jadi, wawancara ini akan dimulakan.

Maisarah: Assalamualaikum encik, boleh encik beri nama sebenar encik?

Tok Rahmat: Waalaikumussalam w.b.t. Nama saya Haji Rahmad Bin Sidin. (bunyi kertas)

M: Selalunya penduduk kampung menggelar encik dengan panggilan apa?

T: Panggilan Tok Rahmad ataupun Tok Ketua.

M: Jadi saya akan panggil encik dengan panggilan Tok Rahmat.

T: Boleh.

M: Berapakah pula tarikh lahir Tok?

T: Saya dilahirkan pada 1(tersasul) 5 haribulan Julai 1947.

M: Berapakah umur Tok? (bunyi kertas)

T: Kalau ikut kiraan sekarang ni [ini], pada hari ni [ini] usia saya 70 tahun 5 bulan.

M: Dimanakah pula tempat lahir Tok?

T: Saya dilahirkan di nyek (tersasul) Batu Pahat, Johor.

M: Dari manakah En. (tersasul) Tok berasal?

T: Saya berasal daripada Batu Pahat.

M: Dimanakah pula Tok menetap sekarang dan apa alamat dia?

T: Saya err (gugup) *start* [mula] (bunyi kertas) saya bersara daripada tentera memandangkan isteri saya adalah orang tempatan di Segamat ni [ini], saya telah pun memilih untuk menetap di Kampung Paya Lebar. Dimana nombor alamat rumahnya adalah No.10, Jalan Cempaka, Kampung Paya Lebar, Batu Anam, Segamat.

M: Berapa lama atok sudah tinggal di situ?

T: Saya telah pun berada di sini selama 31 tahun sejak pencen.

M: Apakah pula nama bapa tok? (bunyi kenderaan)

T: Nama ayah saya Haji Sidin Bin Rahmad.

M: Aaa (gugup) apakah pula nama ibu tok?

T: Nama ibu saya Hajjah Fatimah binti Aman.

M: Berapakah bilangan adik-beradik tok?

T: Adik-beradik saya seramai 11 orang dimana tujuh daripadanya telah pun kembali ke *rahmatullah* [rahmat Allah] dan saya empat adik-beradik.

M: Baiklah, apakah pula nama isteri tok?

T: Nama isteri saya Puan Paunah binti Khodrin.

M: Berapa lama atok sudah mendirikan rumah tangga?

T: Err (gugup) sehingga bulan Januari akan datang ni [ini] telah pun genap lima puluh tahun tu InsyaAllah.

M: Berapakah pula bilangan anak tok?

T: Saya telah pun dikurniakan cahaya mata dengan lima (tersasul) sepuluh orang anak. Lima lelaki dan lima perempuan.

M: Baiklah, apakah pula tahap pendidikan yang diperoleh tok?

T: Saya tidaklah (memikir) tinggi sangat pelajarannya, sampai sekolah tingkatan tiga, tak [tidak] amek [ambil] pun SRP, apa dulu (memikir) sekarang ni [ini] SRP kan, dulu saya lupa dah saya, tingkatan tiga saja dan Alhamdulillah, saya pada masa tu [itu] saya sekolah di Sekolah Tinggi Batu Pahat.

M: Apakah pula sejarah atau latar belakang bidang pekerjaan tok?

T: Saya Alhamdulillah, (bunyi kertas) telah pun diterima masuk sebagai seorang tentera pada tahun 1965, dan pencen pada tahun 1986, setelah saya berkhidmat selama dua puluh satu tahun.

M: Jadi pekerjaan atok aaa (gugup) selain daripada itu?

T: Sebel (gugup) selepas saya bersara saya telahpun berkhidmat dengan beberapa syarikat pembinaan dimana atas pengalaman saya dalam tentera,...(perkataan tidak jelas) telahpun diterima .berkerja dengan Renung Berhad, dimana projek pertama adalah daripada aaa (memikir) menyambung keje-keje [kerja-kerja] lebuah raya daripada Pagoh ke Johor Bahru. Termasuk membina CIP Kompleks dan membina juga jambatan iaitu di Johor Bahru, aa (memikir) belum siap. Saya *join* [sertai] dengan Prembargo Contruction di Kolompo [Kuala Lumpur] sehingga tahun 2005 baru saya berhenti. Di mana contract semasa Prembargo Contraction saya telah pun berpeluang menimba pengalaman aaa (memikir) dimana membuat, bandaraya

Putrajaya sekarang ni [ini] daripada kelapa sawit sehinggalah jadi bandaraya sekarang ni [ini] Putrajaya, terkenal dengan Putrajaya. Alhamdulillah.

M: Alhamdulillah. Ya lah [mencelah] Encik merupakan ketua kampung yang keberapa?

T: Saya kampung ni [ini] adalah ketua kampung yang pertama. Dimana setelah kampung ini telah pun dila (gugup) dilahirkan sebagai anak bungsu [bongsu] Mukim Jementah, Jementah Lapan. Di mana dalam Mukim Jementah sendiri ada Jementah Satu, Dua, Tiga, Empat, Lima dan Nam (Enam). Apabila dipecahkan semula dengan pengagihan kawasan, Jementah Tujuh yang itu di Kampung Bukit Keledang dan Jementah Lapan kawasan saya daripada UiTM sampai ke arr (gugup) Kolej Komuniti Batu Anam, Jementah Lapan.

M: Baiklah, apakah pula peranan tok sebagai seorang ketua Kampung Paya Lebar?

T: Sebagai ketua kampung (memikir) pada saya, jawatan ketua kampung adalah satu amanah Allah ya, amanah Allah yang telah diamanahkan kepada saya, dan saya memegang jawatan tu [itu] dengan sepenuh ma (gugup) sepenuh hati dan (bunyi kertas) ingin menentukan kampung ini dibangunkan (bunyi kertas) dan merancang pembangunan kampung supaya tidak ketinggalan dengan arus pembangunan yang sedia ada ni [ini]. Sebagai ketua kampung tak [tidak] semestinya kalau kita *switch off* [tutup] kata orang tidak ada idea untuk bina kampung pada saya tu [itu] adalah se (gugup) satu kesilapan yang besar pada sesuatu ketua kampung eh. Ah (gugup) nampak macam mudah, tetapi merancang kampung, pembangunan kampung adalah satu kerja yang amat rumit. Dimana Alhamdulillah. Walau bagaimanapun setelah saya di ma di ma (gugup) dimasuk (gugup) diterima sebagai jawatan ketua kampung, saya terperoleh di hantar ke kursus di Kementerian aa (memikir) Wilayah aaa (gugup) TNW, dan disitulah saya menimba sedikit demi sedikit bagaimana cara untuk majukan kampung ni [ini] InsyaAllah.

M: Baiklah, apakah pula [tersasul] adakah encik aktif dalam kegiatan bermasyarakat?

T: Sudah semestinya sebagai ketua kampung. Kalau tak [tidak] aktif, maknanya kita tak [tidak] bolehlah *leader* [ketua] sesuatu kampung, sesebuah kampung kalau kita menyendiri maknanya tidak layak untuk jadi ketua kampung pada saya.

M: Betul. Adakah tok terlibat dalam sebarang kegiatan politik?

T: Betul. Saya memang terlibat err (gugup) dua penggal pertama saya jadi ketua kampung, saya juga adalah menjadi ketua cawangan Kampung Paya Lebar, macam cawangan UMNO lah. Dan pada saya (memikir) itu adalah satu daripada tanggungjawab tugas ketua kampung eh, kita bekerja berkhidmat untuk masyarakat dan semes (gugup) semestinya ketua kita adalah Pejabat Daerah atau Pejabat Daerah Segamat eh. Jadi kalau kita membelakangkan parti politik atau tidak tidak berse (gugup) bersehaluan dengan parti politik, saya rasa itu janggal sedikit eh, itu sebab saya menceburkan diri dan mengambil peranan sebagai ketua cawangan selama dua penggal eh.

M: Apakah pula contoh aktiviti yang berkenaan dengan politik yang tok sertai?

T: Aaa (memikir) contohnya, (memikir) yang saya selama ni [ini] lah eh, sebagai ketua cawangan, yang pertama menentukan keahlian, (bunyi kertas) erm (gugup), menitikberatkan meme (gugup) memastikan kalau boleh seboleh-bolehnya sesebuah semua ahli kampung menerima apa yang saya pegang, kalau saya orang UMNO, maknanya dia akan ikut saya sebagai orang ahli UMNO, aa (gugup) itu, selain kegiatan lain adalah bergantung kepada aa [gugup] ketetapan yang telah pun diatur oleh yang berbahagian eh (gugup) (bunyi kertas) biasanya daripada UMNO bahagian akan menurunkan apabila aktiviti yang kita nak [hendak] buat pada cawangan-cawangan eh, dan ah (gugup) walau bagaimanapun, cawangan juga ada aktiviti sendiri contohnya macam sukaneka, aa aa (gugup) mesyuarat-mesyuarat bulanan, mesyuarat tahunan, macam tu [itu] yang kita tengah buat.

M: Baiklah, bagaimana pula encik (tersusul) bahagikan masa dengan pekerjaan tok sekarang?

T: Err se (gugup), adakah semasa menjadi ketua kampung atau setelah saya bersara?

M: Semasa menjadi aa (mencelah) semasa menjadi ketua kampung?

T: Semasa menjadi ketua kampung biasalah eh, saya memang akan membagi masa eh walau bagaimana pun, sepertimana yang aa (gugup) seperti yang termaklum saya adalah bekas tentera, saya amat amat pasti dan memastikan masa itu digunakan dengan sebaik-baik mungkin eh. Maknanya kalau dalam dulu-dulu, saya tahu sebelah pagi saya buat apa, bila bila senaman lepas senaman, saya akan (bergumam) pergi ke jabatan, lepas tu [itu] sebelah petang ada sukan. Begitu juga kampung eh, sebelah pagi sampai pukul dua belas, saya sebenarnya menentukan kampung, malahan saya akan menziarah mana-mana kawasan atau melawat kawasan yang telah pun dalam kawasan tanggungjawab saya samada menentukan ahh (gugup) segi pembangunannya (bunyi kenderaan), parit, tali air, jalan dan sebagainya dan di situ saya akan membuat perancangan apa yang patut saya mintak [minta]. Kalaulah jalan tu [itu] dah [sudah] rosak, mungkin saya akan mintak [minta] bu err (gugup) buat baik pulih dan sebagainya eh. Dan begitu juga, sebenarnya ketua kampung ini adalah satu jawatan yang bukan bermasa, dua puluh empat jam eh, makna anak buah boleh ketuk rumah saya *anytime* [bila-bila masa] daripada pagi sampai ke malam. Saya tak [tidak] boleh kata tak [tidak] boleh takde [tiada] rumah ah gitu [begitu]. Kalau saya pergi mana-mana pun, saya patut mengadu dekat tok penghulu atau saya alukan kepada Pejabat Daerah.

M: Baiklah, bagaimanakah cara tok menguruskan hal-hal kampung dengan teratur?

T: (Mulut berdecep). Mestinya saya (bunyi kertas) dengan ada mana sebagaimana sebagaimana yang dimaklum, ketua kampung adalah mempunyai jawatankuasa dia sendiri eh, di mana satu ketua kampung satu dan lima belas ah ti ti (gugup) empat belas orang anak buah di bawahnya iaitu Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Apa juga yang saya rancang tidaklah mana saya akan buat terus. Saya akan adakan mesyuarat dan keputusan adalah daripada mesyuarat yang tersebut, yang memutuskan apa juga cadangan yang kita nak [hendak] buat diperakukan dalam mesyuarat di minit kan baru kita majukan kepada pihak berkenaan. (bunyi kertas)

M: Baik, apakah penganugerahan yang pernah Tok peroleh?

T: Ahh (gugup) selain daripada dalam tentera, saya juga dalam kampung (bunyi kertas), setelah jadi ketua kampung, saya juga telah menerima anugerah ah (gugup) Ibu-Bapa Mithali Tahun 2008, dan Pingat Ke Pangkuan Negara oleh Yang Di-

Pertuan Agong pada tahun 2011. Yang terbaru adalah pingat Jasa Malaysia oleh Kementerian Pertahanan. (memikir) yang lain-lain rasanya takde lah [tiada] itu sajalah.

M: Baik, apakah pula sumbangan dalam bidang pekerjaan yang pernah atok ceburi, sebagai ketua kampung?

T: Sumbangan? (bunyi kertas) Sumbangan yang saya sumbangkan kepada masyarakat?

M: Ya.

T: Saya rasa khidmat saya kepada masyarakat (bunyi kerusi) adalah menyeluruh eh. Makna apa juga yang saya buat adalah bukan untuk *personal* [diri sendiri], adalah untuk keseluruhan, kalau mak (gugup) maksud saya, saya biasa bercakap dengan anak buah saya kalau saya buat jalan bukan jalan saya, kalau saya buat parit bukan parit saya, kalau saya buat bangun contohnya masjid surau saya ni [ini], dulu adalah papan eh. Apabila saya masuk kampung ni [ini], saya pencen tahun 86, saya di di (gugup) dirasmikan oleh oleh Haji Hajjah Zaba dulu, masih papan. Apabila saya pegang ketua kampung masih papan juge [juga]. Jadi saya mengolah dan saya telah bercakap dengan YB masa masa tu [itu] tok (Dato') Othman Jais, bahawasanya mercu tanda sebuah Kampung Melayu, mercu tanda dia adalah surau, masjid eh. Kalau masjid tu [itu] sunyi dan tak berubah daripada awal daripada asal, makna pada saya itu bukanlah satu kemajuan pada orang kampung eh. Jadi pada saya sumbangan saya pada orang kampung ah (memikir), kalau boleh dilihat yang nampak dilihat nampaklah eh, contohnya macam balairaya ni [ini], balairaya dulu papan, Alhamdulillah, dengan adanya saya pegang ketua kampung saya jadikan bilik mesyuarat. Dulu ni [ini] stor je [saja] ni [ini] eh, dan Alhamdulillah, sekarang ni [ini] telah pun jadi macam ni [ini] lah. Bilik antara yang terbaik dalam Mukim Jementah (memikir) eh. Adanya futsal, dulu takde [tiada] futsal. Walaupun tanah tu [itu] tanah JKR, saya mohon dengan JKR, yang akan luluskan sera (gugup) seratus seratus (gugup) kaki persegi dan dibuatnya futsal. Alhamdulillah eh, terus di diserahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Sebagai contohnya macam surau, surau tu [itu] papan, saya mohon peruntukan dapat seratus ribu lebih buat. Alhamdulillah ... (perkataan tidak jelas) dalam urusan kampung. Yang lain-lain tu [itu] saya rasa macam ah hal masyarakat, saya ambil berat kepada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal yang patut memerlukan bantuan.

Saya pastikan mereka semua tak [tidak] ketinggalan, InsyaAllah selama ni [ini] Alhamdulillah semua telah dah [sudah] perolehi.

M: *Alhamdulillah* [syukur], komitmennya atok dengan pekerjaan atok sebagai ketua kampung. Emm (mencelah). Jadi apakah pula pendapat atau pandangan tok tentang bidang pekerjaan tok?

T: Pada saya, ketua kampung adalah satu jawatan yang (berdehem) (bunyi kertas), amanah Allah ye [ya], maknanya kalau jawatan apa juga jawatan bukan sekadar ketua kampung lebih-lebih lagi ketua kampung, ketua kampung adalah satu amanah dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah Taala sebenarnya. Dan kalau kita memikirkan bahawasanya amanah itu adalah amanah jawatan itu adalah sumbangan ataupun amanah daripada Allah, diizinkan Allah. Kita hendaklah laksanakan dengan sebaik mungkin. Kalau tidak pada saya itu kita telah berdosa tu [itu] pada tu pada diri sendiri lah.

M: Baiklah. Apakah pula cabaran yang pernah tok lalui sepanjang menyandang jawatan sebagai ketua Kampung Paya Lebar ini?

T: Err (memikir) cabarannya banyak. Err (gugup). Almaklum, sebagai contoh, (memikir) apa juga yang kita buat ni [ini] tak semuanya orang setuju eh. Contohnya kalau kita dalam rumah tangga pun sesame anak-beranak pun, tak semua yang menyokong kita sesuatu hal ya, apatah lagi dalam kampung, macam-macam ada kepala, ada macam ni [ini], ada macam ni [ini], ada macam ni ini] ya. Tak semua yang kita buat tu [itu] memenuhi ah hati masyarakat kita. Walau bagaimanapun, demi kebaikan kampung, saya menghadapinya dengan err (memikir) secara yang yang tul (betul) dan ikhlas dan dan saya bertoleransi kepada orang kampung lah ya. Jadi saya saya mengaku kita sebagai manusia mungkin ada silap dan sebagainya.

M: Baiklah, rakaman berhenti seketika dan akan bersambung sebentar lagi.

Hazimah: Assalamualaikum Tok Rahmad.

T: Waalaikumussalam warahmatullahi wa barakatuh.

H: Saya ingin (bunyi kertas) bertanya bagaimanakah sejarah awal pembentukan Kampung Paya Lebar Segamat?

T: Kampung Paya Lebar ni [ini] sebenarnya saya pun datang Kampung Paya Lebar ni [ini] dah [sudah] 2000 eh 1800 1986. Walau bagaimanapun, setelah saya menjawat jawatan ketua kampung, saya telah pun mencari asal usul kampung ni [ini], dimana untuk keperluan saya err (gugup) untuk melengkapkan profil rikampung eh. Jadi saya saya baca eh adalah lebih baik saya baca sepintas lalu apa yang telah tertulis di dalam profil kampung saya eh (memikir). Sejarah kampung. Paya Lebar adalah merupakan satu kawasan hutan dara sebelum ianya dibuka untuk permohonan awam bagi tujuan pertanian pada sekitar tahun 1965. Di dalam tahun 1972, pemohon-pemohon yang berjaya dimana kebanyakannya merupakan pekerja ladang yang berhampiran, telah pun dikurniakan tanah seluas enam ekar seorang. (bunyi kertas). Pada tahun 1977, Paya Lebar mula diduduki dimana sebanyak 4 buah rumah telah pun didirikan. Dengan penduduknya seramai 24 orang, kampung ini merupakan kumpulan pertama yang tinggal tetap di dalamnya. Paya Lebar yang dulunya adalah hutan simpan dara, kini hanya dike (gugup), kini ianya dikenali sebagai Kampung Paya Lebar.(bunyi kertas). Disebabkan Kampung Paya Lebar terletak di dalam Mukim Jementah, maka Tuan Haji Said selaku Penghulu Mukim pada ketika itu, telah pun memasukkan Kampung Paya Lebar di dalam pentadbiran Jementah 2. Dimana ketua kampungnya adalah Allahyarham Encik Ahmad Bin Mahmud, untuk membantu tindak err (gugup) melicinkan tugas.

Pada tahun 1990, 19 er 1980, seorang daripada penduduk Paya Lebar telah dilantik sebagai AJK JKKK, iaitu Tuan Haji Maarop Bin Kasudin. (bunyi kertas). Tahun demi tahun jumlah mereka yang layak menduduki tanah di Kampung Paya Lebar telah pun berhijrah dan menetap di sini. Sehingga pada hari ini, jumlah rumah yang ada adalah sebanyak 59 buah rumah dengan penduduknya melebihi 300 orang. Pada tahun 1987, projek pertama telah pun diluluskan dengan terbinanya balai balai rye [raya] dan tahun berikutnya iaitu dalam tahun 1988, satu lagi projek telah diluluskan dimana sebuah surau pula telah dibina. Akibat kelembapan ekonomi pada ketika [itu], setelah 11 tahun iaitu pada tahun 1999, barulah Kampung Paya Lebar menerima satu lagi peruntukan di mana pada kali ini projek menaik taraf balai raya

kepada balai serba guna, seperti yang ada sekaranglah. Penduduk Kampung Paya Lebar sesungguhnya amat err terhutang budi di atas kemurahan hati Allahyarham Encik Baharom Bin Rahmat, yang mana telah pun menwaqafkan satu ekar dari *roll* [bahasa Inggeris] tanahnya untuk dijadikan tapak surau dan juga lain-lain binaan yang ada kini. (bunyi kenderaan). Semoga sedekah jariahnya itu diberi Allah Subhanahuwataa'la eh (bunyi kerusi) diberkati Subhanahuwataa'la lah ya. Dan untuk pengetahuan, kawasan balai raya ni [ini] sampai ke belakang balai masak dan juga ba masjid tu [itu] di surau tu [itu] adalah tanah waqaf daripada Encik Baharom eh, Allahyarham Encik Baharom. Diiktiraf dan didaftarkan seba (tercepat cakap) diiktiraf dan didaftarkan sebagai Kampung Gerakan Daya Wawasan iaitu GDW dalam tahun 2000. (bunyi kerusi)

H: Baik tok. Err adakah kampung ni [ini] mempunyai koleksi atau pun khazanah peninggalan sejarah?

T: Err sejauh ni [ini] apa yang saya tahu takde [tiada], sebab kampung ni [ini] adalah kampung pertanian ya lah pertanian, yang ada pun pertanian. Cuma, belah belakang tu [itu] nak ada pun kesan-kesan ah Komunis dulu ada, eh. Masa kita berpe (gugup) er berperang dengan Komunis dulu iaitu PKM Parti Komunis Malaya. Yang lain-lain takde (tiada) lah rasanya. (batuk)

H: Okay [baik] tok, (batuk). Aa (memikir) kalau saya ingin (batuk) bertanya berkaitan sosiologi, (tersasul) baik, baik lah, boleh kami tahu dalam anggaran berapakah ramai penduduk di Kampung Paya Lebar pada masa kini?

T: Pada masa kini, penduduk Kampung Paya Lebar seramai (bunyi kertas) err (gugup) 350 orang. (pen jatuh) . Dimana bacaannya, jika yang terbaru, lelaki dewasa seramai 6 [ralat] 161, perempuan dewasa seramai 155, kanak-kanak lelaki 12 tahun ke bawah 21 orang. Kanak-kanak perempuan 12 tahun ke bawah se 13 orang, jumlah semua 350.

H: Dalam kalangan kira-kira berapakah usia penduduk kampung ini?

T: Err (memikir), lelaki dewasa ni [ini] walaupun 161 orang, tak semuanya yang, yang kata orang tu [itu] 50 ke bawah eh. Lebih kurang 20, 20 ke atas yang telah pun meningkat 60 usia 60 tahun ke atas.

H: Berapa pulak [pula] anggaran rumah di Kampung Paya Lebar kini?

T: Terkini err (gugup) bilangan rumah (bunyi kertas) ialah err, 8 eh 70 buah rumah. (memikir) Dimana telah pun didirikan rumah mesra rakyat dan sebagainya. Penambahan rumah (memikir), mesra rakyat, 11 rumah mesra rakyat telah pun ditambah. Tu [itu] je [saja] lah rasanye [rasanya].

H: Berapakah pula kira-kira pendapatan isi rumah penduduk kampung ini?

T: Pendapatan seisi rumah err kalau ikut kiraan saya yang lepas, err dalam, saya rasa dalam tak [tidak] sampai RM500 lah, sebab almaklum, kebanyakan orang petani eh. Petani (bunyi kertas), malahan terpaksa noreh [menoreh] getah pun dah orang tua, dia kena bagi orang upah orang menoreh. Kalau biasa dapat RM500 tu [itu], terpaksa tinggal RM250 eh. Maknanya kena bagi [bahagi] dua, harta pendapatan kena bahagi dua. Jadi tak [tidak] melebihi RM500 lah, kalau hasil pertanian, pada sebulan. (bunyi kenderaan)

H: Apakah struktur pekerjaan penduduk kampung?

T: Semuanya petani.

H: Berapakah kira-kira keluasan keseluruhan kampung ini?

T: Keluasan kampung err, (bunyi kertas) (mencari maklumat sebentar).

T: Kalau ikut hektar (bunyi kertas) saya rasa dalam 708 hektar semua sekali. 8 hektar (berbisik).(bunyi kertas) 516 ekar semua sekali ye [ya]. Keluasan keseluruhan kampung 516 hektar, hektar saya tak [tidak] pastilah. (bunyi kerusi)

H: Adakah terdapat tanah yang terbiar atau pun tanah hak milik kerajaan di kampung ini?

T: Kampung saya ni [ini] ada 4 kawasan tanah yang terbiar, iaitu err jalan masuk daripada ITM satu, err dalam kampung saya sendiri ada dua, telah pun di diterima oleh Yang Amatt Berhormat Menteri Besar untuk dijadikan (bunyi kertas) perumahan. Dimana telah pun di di rasmi lah oleh pihak yang berkenaan, dan *Insyallah* [dengan

izin Allah], saya ingat dalam awal tahun depan ataupun pertengahan tahun depan, projek ini akan bermula, rumah mampu milik untuk generasi kedua Kampung Paya Lebar, dan lebih akan diagihkan kepada yang terdekatlah Paya Lebar. (bunyi kertas)(Batuk)

H: (bunyi kenderaan) Kampung ni [ini] diiktiraf sebagai apa tok?

T: Kampung ni [ini] adalah Kampung Melayu eh, dan kampung ya tanahnya adalah tanah kurnia rizab Melayu dan tidak boleh dijual sama sekali kepada bangsa asing.

H: Pada sekitar tahun berapakah kampung ini diiktiraf tok?

T: Kampung ini diiktiraf sebagai (bunyi kertas), yang seperti yang saya cakap tadi, Kampung telah pun di di di (gugup) di pada tahun 1977 Kampung Paya Lebar telah pun diduduki, mana sejak situlah kampung ni [ini] diiktiraf sebagai Kampung Paya Lebar eh, 1977.

H: Okay [baik] baiklah. Apakah etnik yang terdapat di Kampung Paya Lebar?

T: Semuanya Melayu.

H: Apakah adat istiadat dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat di Kampung Paya Lebar?

T: Adat resam Melayu dan mengikut etnik, bukan etnik lah kita ni [ini] walaupun Jawa, Bugis, Banjar dan sebagainya. Kita ni [ini] adalah bangsa Malaysia dan biasanya budaya tu [itu] kita bawa [bawa] tu sampai sekaranglah. Sebagai contoh, kita mengekalkan adat resam err majlis perkahwinan eh (gugup), majlis Yasinan, marhaban semua tu [itu] kita gunakan sehingga sekarang eh, masih kekal *Alhamdulillah* [syukur].

H: Ah tok, apakah cara institusi pendidikan di Kampung Paya Lebar ini?

T: Institusi?

H: Ins ins (gugup) Institusi pendidikan.

T: Ahh kampung ni [ini] takde [tiada]. Cuma, semua yang yang ada untuk sekolah arr (memikir) daripada sini akan menghantar ke Sekolah Batu Nam [Anam], ada juga ke Jementah, ada juga ke Gemereh ye [ya]. Ikut suka lah, kesenangan pada ketua keluarga. Mana yang ayah ada, mak (emak) ayah kerja di Segamat, mungkin anak dia hantar sekolah di Gemereh. Ada dua keluarga tak [tidak] silap saya ye [ya]. Yang lain sekolah di Batu Nam [Anam] dan juga di Jementah.

H: Kira-kira berapakah institusi pendidikan di kampung ini?

T: Takde [tiada] institusi takde [tiada].

H: Adakah penglibatan pelajar di kampung ini adalah secara terhad kepada ahli penduduk atau pun terbuka?

T: Ah tidak. Maknanya penglibatan pelajar sebagai sebagai contoh ya, mana-mana pelajar yang telah pun menghabiskan pelajaran, mereka akan bekerja di luar daripada kampung eh. Mana yang tak (bunyi kenderaan) dapat kerja yang masih di kampung, dia terbuka kepada arr kete kete (gugup) ketentuan masa lah ikut keperluan.

H: Adakah kampung ini telah melahirkan penduduk yang berjaya?

T: Ah ya. Memang ramai. (bunyi kertas) yang telah pun berjaya ke universiti menara gading saya rasa lebih daripada 30 orang. Termasuk anak sen (gugup) sendiri pun dah nam [enam] orang. Daripada 10 enam yang ber err (gugup) berjaya universiti dan cucu saya sorang [seorang] dah [sudah] masuk 7 orang. Yang lain-lain tu [itu] saya rasa memang ada 30 orang. Ada senarai dia.

H: Baiklah *Alhamdulillah* [syukur]. Rakaman akan berhenti seketika.

M: Rakaman bermula.

M: Maaf tok, adakah ada usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikan untuk menambah institusi pendidikan di kampung ini?

T: Arr (gugup) *Insyallah* [syukur]. Saya juga telah pun merancang, walaupun saya tak [tidak] menjadi sekarang ni [ini], saya tak [tidak] lagi ketua kampung. Dan saya telah berbincang dengan pemangku ketua kampung dan juga AJK bahawasanya andai kata 2 tanah yang telah pun diluluskan untuk dijadikan perumahan, arr mampu milik, khas untuk generasi kedua kampung ini. Maka sudah semestinya pihak kampung memerlukan sekolah paling takde [tidak ada] pun sekolah rendah, atau pun sekolah agama. Ha itu yang paling awal lah. Yang lain-lain saya rasa belum lagi lah. (batuk)

M: Jadi kiranya (batuk) aa (gugup) atok pernah berwawasanlah untuk mendirikan institusi pendidikan di kampung ini?

T: Iye [ya].

M: Jadi apakah aktiviti kemasyarakatan yang selalu dijalankan di kampung ini?

T: Aktiviti kemasyarakatan biasanya, yang pertama gotong-royong eh, gotong-royong aa (memikir) kalau Yaasin dan Tahlil sedang malam Jumaat aa (gugup) aktiviti tu memang tak tinggal lah. Selain dari aktiviti yang tahunan contohnya majlis kawin [kahwin] dan sebagainya, yang selain-lainnya aktiviti politik juga kita ada. Ada mesyuarat arr (memikir) parti politik, mesyuarat JKK, mesyuarat aa apa ni [ini] ahli jawatankuasa aa (gugup) cawangan aa (gugup) UMNO dan sebagainya dan aktiviti masyarakat tu [itu] aktiviti lah.

M: Baiklah, Adakah kampung ini ada melakukan kerjasama dengan kampung lain dalam sebarang bentuk aktiviti kemasyarakatan?

T: Ada. Sebagai contoh, Kospen eh, arr (memikir) Komukisat Perkasa Negara dimana kadang-kadang daripada kampung sini kena pergi dijemput oleh pihak kampung lain untuk sama-sama hadir majlis tu [itu], dan kampung ni [ini] pun pernah gak [juga] ada buat panggil orang datang sini. Sebagai contoh, daripada Kemas eh, daripada Pejabat Penghulu, daripada JPAM pun sendiri ada kita buat aktiviti aa (memikir) macam mana cara menye (memikir) nak menyelamatkan aa (memikir) gas kalau ada apa-apa kecemasan, kebakaran dan sebagainya.

M: Baiklah. Apabila kami melihat kampung ini, kampung ini memang mempunyai persekitaran yang cantik. Jadi, adakah terdapat *program* [program] untuk mencantikkan lagi kawasan Kampung Paya Lebar ini?

T: Sudah semestinya, eh, sebab sebagai yang saya katakan awal-awal tadi, andai kata seseorang ketua kampung tidak berwawasan ataupun tidak tidak (bunyi kertas) ada daya cipta untuk mendirikan kemajuan kampung, maka itu adalah satu perkara yang amat salah, amat sedih eh, jadi saya sebagai ketua kampung dan walaupun bekas [bekas] dah [sudah] mantan ketua kampung, sentiasa berdamping rapat dengan AJK yang ada, dan pemangku yang ada, sementara menunggu ketua kampung yang baru, untuk mema mema aa (gugup) sama-sama memberikan amma aa (gugup) idea, demi membangunkan kampung, lebih baik daripada yang ada sekarang ini.

M: Jadi untuk mencantikkan kampung ini, apakah dana atau pun sumbangan yang diperoleh? Daripada sumber mana?

T: Biasanya apa yang sela selama ni [ini] yang saya buat (berdehem), setiap permohonan yang saya majukan adalah melalui ahli politik eh, badan politik. Samada dari parlimen-parlimen atau pun daripada Ahli Dewan Undangan Negeri. Cuma malangnya, Dewan Undangan Negeri Jementah telahpun di (memikir) ambil alih oleh DAP eh, iaitu Parti Pembangkang, walau bagaimana pun, kita masih lagi boleh memohon dan merayu kepada Ahli Yang Berhormat Parlimen kita.

M: Baiklah. Adakah Kampung Paya Lebar ini pernah mengalami masalah terutamanya dalam kekurangan kemudahan infrastruktur atau pun keselamatan?

T: Sejauh yang saya tahu buat sekarang ni [ini] sehingga sejak sa saya bersara, dan dan duduk di sini, tidak ada masalah ye. Cuma, err kalau dulu, memanglah dan kalau awalnya tahun 80-an, semasa saya pencen pun masih lagi arr (memikir) kampung ni [ini] masih menggunakan air telaga, air perigi, arr lampu jalan, lampu pun takde [tidak ada]. Masih gunakan arr pelita dan *lampu bulb* [mentol] lampu gas, *lampu bulb* [mentol] dan sebagainya, *Alhamdulillah* [syukur], sedikit demi sedikit kerajaan telah juga men err (memikir) memberi peruntukan berbagai-bagai kemudahan, kemudahan

asas. Contohnya jalan, air, bekalan air dan lampu jalan sehinggalah apa yang nampak sekarang ni [ini]. *Alhamdulillah* [syukur].

M: Baiklah. Jika ada berlaku kes-kes jenayah seperti pecah rumah, apakah tindakan tuan, (tersasul) tok ataupun AJK AJK kampung dalam mengatasi masalah-masalah begini?

T: Iye [ya]. Memang berlaku. (berdehem). Malahan rumah saya sendiri telah pun dimasuk pencurik [pencuri] dan saya sendiri telah pun diugut eh, arr pada tahun 2011(bunyi kenderaan) tak silap saya, rumah saya telah pun dimasukkan nam [enam] penceroboh, aa (memikir) pada Raya Haji tak silap saya, masa tu [itu] saya belum ketua kampung. *Alhamdulillah* [syukur], buat sekarang ni [ini] andai berlaku satu kecemasan satu yang pertama sekali, saya akan rekodkan dan hubungi pihak polis lah. Pihak polis tersebut polis. Dan walau bagaimanapun buat sekarang ni [ni] takde [tidak ada] nampak berlaku tu [itu] semua.

M: *Alhamdulillah* [syukur]. Bagaimanakah pula sistem keselamatan [keselamatan] yang ada ataupun yang telah ada di kampung ini?

T: Iye (ya). Kampung ni [ini] sebenarnya ada juek [juga] aa (gugup) pasukan RELA dan memang saya sendiri pun adalah salah sorang [seorang] anggota RELA, Walau bagaimana pun, anggota rela ni [ini] tidaklah (buku jatuh) ber ber errr (gugup) mengikut kata orang mengikut diatitkan kerja sambilan masa, andai kata tertentu sajalah kita buat rondaan, dan ikut keadaan. Andai kata keliling err (memikir) dengar cerita luar sana belah sini ada kejadian samun dan sebagainya, kita akan gunakan RELA kita untuk meronda pada waktu malam.

M: Jadi, ahli untuk pantauan keselamatan atau rondaan itu, err daa (gugup) mungkin daripada kampung ini atau pun ambil daripada kampung lain?

T: Tidak. Kampung ini sahaja.

M: Baiklah. Bagaimanakah pula cara penduduk kampung Lebar (tersasul) bermusyawarah sekiranya ada hal-hal masalah yang berkaitan dengan kampung?

T: *Okay* [baik]. Biasanya kami akan buat dalam, andai kata berlaku sesuatu perkara yang, yang memerlukan keputusan beramai, kita akan adakan pep (gugup) mesyuarat pada malam Jumaat. Di mana sume [semua], err (gugup) ketua keluarga dalam kampung berkompol [berkumpul] sesebuah rumah, err (gugup), mengikut giliran, ba ba err (gugup) malangnya di Kampung Paya Lebar setiap malam Jumaat kita adakan giliran. Seminggu sekali sehinggalah pada Januari sampai bulan Disember. Kadang tak [tidak] habis. Masuk bulan 4. Jadi setiap seminggu tu [itu] satu bulan empat kali, jadi andai kata berlaku sesuatu perkara yang memerlukan keputusan bersama, kita akan mesyuarat macam tu [itu].

M: Baik. Adakah ada (batuk) usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikan untuk menyelesaikan masalah? (memikir) err (mencelah) seperti bermesyuarat?

T: Err (memikir), saya rasa betul (bunyi kenderaan), aa (memikir) memang ada. Andai kata benda ni [ini], contohnya dalam satu satu (gugup) suatu mesyuarat dalam ma ma (gugup) malam Jumaat, telah pun diputuskan satu-satu yang yang yang ke se (gugup) secara rambang, dan biasanya keputusan itu kita bawak [bawa] dalam mesyuarat Jawatan kuasa Kampung eh. Di situ, kita akan minitkan dan betulkan apa yang sebenar-benarnya kehen (gugup) kehendak orang kampung. (bunyi kenderaan)

M: Baik. Adakah terdapat penglibatan dan persatuan belia di kampung ini?

T: Ada. Ada kan pesatuan [persatuan] belia.

M: Apakah aktiviti yang dijalankan?

T: Lebih-lebih err (memikir), namanya err, kampung belia ni [ini], Kampung Paya Lebar ni [ini], belianya adalah dinamakan Belia Bistari Kampung Paya Lebar eh. Dan di mana ketuanya adalah juga Ketua Pemuda err (memikir) UMNO Cawangan, dan aktiviti nya biasalah err (memikir) sukan, err (memikir) me me ke aa (gugup) adakan se sepak takraw, adakan (bergumam) padang futsal, dan sesekali dia orang ada buat arr (memikir) lawatan keluar, keluar daripada Kampung Paya Lebar. Itu sajalah.

M: Emm (memikir) adakah juga terdapat penglibatan dan persatuan wanita di kampung ini?

T: Ada. Iaitu err (memikir) wanita UMNO Kampung Paya Lebar eh. Kegiatan dia adalah kegiatan politik lah. Walau bagaimanapun, dia kegiatannya, (berdehem) dia hanya kepada wanita. Jadi diaturkan oleh Ketua Wanita dan biasanya dia orang mendapat arr (memikir) tunjuk ajar dan nasihat daripada UMNO Bahagian.

M: Baik. Berbalik kepada soalan persatuan belia tadi, adakah penglibatan hanya untuk belia di kampung ini sahaja atau terbuka kepada belia daripada kampung lain.

T: Iye [ya]. Dia terbuka kepada kampung lain eh, contohnya, kalau ada arr (memikir) macam macam nyambut [menyambut] err contoh, lawatan (bunyi kertas) or (atau) VIP, ada memerlukan kenderaan bermotor atau pun berbasikal, kita akan undang kampung orang lain lah. *InsyaAllah* [dengan izin Allah]. (Tok Rahmad berbisik untuk menanyakan soalan selanjutnya)

M: Baik. Aa (memikir), adakah juga program atau pun aktiviti yang mungkin dijalankan oleh tok atau pun ketua kampung sekarang ini untuk membantu belia dan orang muda dari kegiatan negatif seperti mencuri, dadah dan sebagainya?

T: Arr (memikir), itu memang satu salah satu daripada err (memikir) matlamat saya sebagai ketua kampung dan juga mantan ketua kampung. Memang saya pun telah me me (gugup) berbincang dengan mente (gugup) Pemangku Ketua Kampung, supaya sentiasa mendampingi belia ye eh. (bunyi kenderaan) Sebagai contoh anak-anak muda kita sekarang umo (umur) belas belasan tahun (bunyi kertas) pun dah (sudah) pandai naik motor walaupun takde (tiada) lesen eh. Itu saya ambil berat dan saya malah menekankan kepada mesyuarat malahan malam Jumaat. Saya menekankan kesalahan jangan diletakkan pada anak-anak eh. Kesalahan hendaklah diakui oleh ayah atau ibu sendiri. Sebab, kita yang wajib mengawasi anak-anak kita bukan orang lain. Kalau dah (sudah) terlajur (terlanjur), dah ter libat dadah, baik merempit, bukan salah anak-anak. Kita kena kawal eh. Itu pendapat saya.

M: Baik. Apakah pula *impact* [kesan] yang akan terjadi sekiranya belia ataupun orang muda di kampung ini tiada persefahaman dan tidak bersatu?

T: (Mulut berdeceh). Aa (memikir) itu biasa. Pada saya itu biasa (berdehem). Memang ada pengeseran itu memang ada eh. Almaklum, tak [tidak] semua orang setuju dengan kita. Walau bagaimanapun, itu adalah kebijaksanaan, menguji kebijaksanaan pada satu satu pemimpin. Sama ada pemimpin belia atau pe pe

(gugup) pemimpin macam lah. Tak apa juga pemimpin. Aa (gugup) pada saya itu takde [tidak ada] masalah. Memang biasa berlaku. (bunyi kenderaan)

M: Jadi kiranya, belia seharusnya bersatu dan bersefahaman untuk membantu lagi mencantikkan kawasan kampung ini dan sebagainya?

T: Iye [ya] betul. *Insyallah* (dengan izin Allah) dan Kampung Paya Lebar sejauh ni [ini], saya amat berbangga dan berpuas hati err (memikir) dengan aktiviti belia saya lah ye. Yang mana sejauh ni [ini], sentiasa mendengar nasihat pada orang tua-tua dan juga menerima tunjuk ajar, teguran. Khasnya daripada saya sendiri lah sebagai ketua kampung dan *Alhamdulillah* [syukur]. Walaupun saya tak [tidak] saya tak [tidak] cakap pada setiap sorang [seorang], saya cakap pada ketuanya atau pun timbalan, dan benda tu [itu] sampai kepada anak-anak buah. Nampak aa (memikir) memang diterima. *Alhamdulillah* [syukur].

M: *Alhamdulillah* [syukur]. Jadi adakah di kampung ini terdapat aktiviti seperti pertandingan ataupun ikon-ikon kampung?

T: Aa (memikir), kampung saya sendiri sebenarnya memang telah pun di di (gugup) diterima sebagai salah satu kampung err (memikir) Juara (memikir) Desa Cemerlang tahun 2008 eh. Ada contoh di sana arr (gugup) kita punya *board* [papan], apa hadiah sume [semua] ada dekat sana. (Tok Rahmat menunjukkan *bulletin board* di dinding). Desa Cemerlang 2008 dan juga yang lain-lain belia saya belum pastikan lagi saya rasa takde [tiada]. Dan contoh yang lain, surau mesjid [masjid]. Saya dapat juga Suro [Surau] Cemerlang tahun 2008 juga sama.

(Bunyi selakan helaian kertas)

M: Baik, jadi kiranya kampung ini aktif se (gugup) ar (gugup) untuk melakukan pertandingan dan sebagainya?

T: Ya betul. (Bunyi kenderaan lalu di balai raya)

M: Bagaimanakah pula agihan tugas kepada AJK kampung sewaktu merancang aktiviti atau pun program?

T: Memang. Saya sebagai ketua kampung, zaman sa (gugup) semasa sa (gugup) saya memegang ketua kampung, semua jawatan (gugup) ahli jawatankuasa adalah memegang portfolio masing-masing eh. Kalau tiga belas orang tu [itu], selain daripada bendahari dan juga apa pemasa JKK yang lain tu [itu], sume [semua] ada jawatan dia sendiri. Ada ketua dia sendiri. Dia punya pem ape (gugup) pemegang jawatan masing-masing.

M: Jadi, apakah aktiviti atau pun program yang dijalankan bagi program surau?

T: Aa (gugup) sebagai surau, kita setiap dua minggu dulu aa (gugup) seminggu sekali. Memandangkan err (gugup) ustad [ustaz] yang ada tu [itu] telah pun meninggal dunia. Arr (gugup) sekarang masih takde (tiada) lagi. Kita adakan arr (gugup) takbir setiap malam Rabu dua minggu sekali. Majlis takbir (memikir) dan yang lain-lain tu [itu] biasalah Yasinan dan sebagainya.

M: Baiklah. Rakaman berhenti seketika dan akan bersambung sebentar lagi.(Bunyi kertas)

H: Err (gugup) tok. Difahamkan ada keinginan untuk mendirikan sebuah masjid. Dari manakah dana diperoleh untuk mendirikan majlis tersebut?

T: Sebenamya masjid [masjid] ni [ini] bukan dana ye. Sebagai contoh, kampung saya adalah err (memikir) surau, dan apabila surau telah pun kita fikirkan sebenamya dah (bunyi kerusi) lama dah [sudah] saya mohon nak mohon, supaya surau ni [ini] dijadikan surau Jumaat eh. Dimana boleh mendirikan solat Jumaat. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu, aa (memikir) baru-baru ni [ini], pihak Jabatan Mufti telah pun menolak permohonan kami daripada mendirikan solat Jumaat. Saya tak [tidak] tahu apa alasan dia, tidak [tiada] ada alasan. Cuma dia kata, keputusan tidak dibenarkan itu sahaja eh. Dana tak di perlu kecuali masalahnya sebagai sebuah mesjid [masjid], hanya memerlukan jemaah yang cukup dan juga err (memikir) pengimarah surau tu [itu], kalau boleh setiap waktu yang agak-agak ramai lah.

H: Dimaklumkan terdapat pelbagai aktiviti dijalankan di kampung ini seperti *musyawarah* [mesyuarat] aa (gugup) sukaneka. Jadi bagaimanakah perpaduan antara satu sama lain terbentuk?

T: *Alhamdulillah* [syukur] ya. Ermm (memikir) pada saya lah, dengan adanya aktiviti macam tu [itu] lah, kita merapatkan antara satu sama lain eh, dan kadang-kadang walaupun kita duduk kampung ni [ini] besar luas. Ada yang duduk belakang sana jauh, aa (memikir) ada yang duduk dekat-dekat apa nama ada satu tanah tu [itu] sampai 15 rumah, rumah anak-anak. Tetapi, untuk menyatukan, merapatkan hubungan, salah-satu caranya adalah begitu. Iaitu dengan adanya aktiviti sukan sukaneka dan sebagainya.

H: Adakah penglibatan program tersebut dijalankan secara menyeluruh kepada seluruh penduduk kampung atau sebahagian sahaja?

T: Semua sekali. Maksudnya kalau ada tu [itu], baru wanita, calon wanita, masa kita man man man (gugup) main tu [itu], aa semua terlibat (mencelah) semua terlibat. Wanita kanak-kanak ikut umurlah. Eee (memikir) tu [itu] rasa.

H: Bagaimana pula perkembangan sistem politik di Kampung Paya Lebar pada masa kini?

T: *Alhamdulillah* [syukur], Kampung Paya Lebar ni [ini], tak [tidak] banyak aa (memikir) kata orang tu [itu], 100% [seratus peratus] lah, boleh dicakapkan menyokong kerajaan. Walaupun ada sorang [seorang] dua tu [itu] kadang dia terlepas cakap tu [itu] tak [tidak] kisah lah, biasa.

H: Bolehkah tok kongsi carta organisasi [organisasi] bagi kampung ini?

T: Carta organisasi? ya (mencelah).

T: Saya rasa (memikir) carta organisasi eh. (Bunyi kertas)

T: (Tok Rahmad sedang mencari maklumat) (bunyi kerusi). Okay [Baiklah] saya pegang carta organisasi ini adalah err (memikir) saya amek [ambil] dari carka [carta]

carta organisasi Kampung GG eh (gugup) kampung GDW eh. Dimana (bunyi kertas) saya selaku ketua kampung, di bantu oleh err (memikir) setiausaha dan seramai tiga belas orang, yang itu ahli jawatankuasa yang telah dilantik.

H: Baiklah. Ada usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikan seperti kemudahan kampung yang rosak?

T: *Insyallah* [syukur]. Benda tu [itu] memang sepanjang masa eh. (bunyi kertas) Macam contohnya, jalan raya, (bunyi burung). Kadang-kadang lampu jalan. Saya menitikberatkan lampu, sebab kalau lampu jalan contohnya, amat diperlukan kepada tempat-tempat yang selekoh bahaya, aa (memikir) jalan-jalan yang, yang dah [sudah] berlubang-berlubang] itu amat amat [gugup] penting di di di [gugup] ditambah. Walaubagaimanapun, err (memikir) permohonan-permohonan dibuat tu [itu] tidak ada dapat sete-mete [serta-merta] eh. Almaklum kampung, tidak sama dengan PPP. Kalau dalam aa (gugup) pengurusan pihak berkuasa tempatan, kalau pagi dah bocor, jalan pecah, petang mungkin orang dah [sudah] tampal. Tapi dalam kampung, kita adakan kertas keje [kerja]. *Means* [maksud], berapa luas jalan yang rosak, berapa banyak kos semua kita gini [begini]. Baru kita hantar pada pihak yang berkenaan. Nak [hendak] dapat tu [itu] pulak [pula], (berdehem) bukan masa yang singkat eh, makan tahun baru dapat.

H: Hmm (memikir) okay [baik]. Apakah sistem pengangkutan yang digunakan di kampung ini sebelum terbinanya jalan raya?

T: Seke (gugup) kebanyakan orang pakai motosikal [motosikal].

H: Oh motosikal eh, haa dan basikal lah, basikal dan motosikal lah. Masa tu [itu], jalan raya pun masih belum ada kete [kereta] lagi, (mencelah) (bunyi kertas).

H: Difahamkan Segamat ini selalu dilanda banjir kerana struktur muka bumi yang rendah. Adakah Kampung Paya Lebar ini juga pernah mengalami banjir? (berdehem)

T: Sebenarnya Kampung Paya Lebar ini ada sebahagian daripada belah belakang tu [itu] yang nama paya tu [itu], belah blakang [belakang]. Dimana Kampung Paya

Lebar juga adalah merupakan salah satu pusat penempatan banjir yang kekal. Daripada dulu lagi eh sehingga sekarang. Setiap kali banjir, memang penduduk saya ada carta banjir saya (bunyi kerusi) iaitu lebih kurang empat belas err (memikir) lapan keluarga lebih kurang lapan belas aa (memikir) jamaah [jemaah] yang akan duduk di balai raya dipindahkan di sini tahun banjir.

H: Antara ketua kampung sendiri, adakah terdapat mesyuarat sesama ketua kampung sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir ini? (bunyi kertas)

T: Ye [ya]. Itu adalah (batuk) di bawah pentadbiran tok penghulu eh, (bunyi kertas) Penghulu akan memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Mukim. Dimana semua ketua kampung lapan lapan ketua kampung kena hadir di Komplek [kompleks] Penghulu Jementah.

H: Apakah usaha atau bantuan yang disampaikan kepada mangsa-mangsa banjir?

T: Kita disini biasanya apabila penempatan banjir dah [sudah] pindah ke mari, senarai kita akan hantar kepada JKM dan Pejabat Daerah. Keperluan tu [itu] aa keper (gugup) keperluan-keperluan banjir tu [itu] ,dia akan hantar secara automatik eh. Seme (gugup) sebagai contoh, (berdehem) pemakanan, aa aa (memikir) kelengkapan untuk tempat tido [tidur], aa (memikir) selimut dan sebagainya. Yang lain-lain tu [itu] ke ke (gugup) ikut keperluanlah.

H: Adakah pihak kampung ada menyediakan balai raya atau penempatan sementara kepada mangsa banjir?

T: Memang sinilah tempatnya. Di balai raya saya ni [ini] ada.

H: *Oh okay* [baik]. Adakah kampung ini ada menyediakan bantuan kepada mangsa banjir dari kampung lain?

T: Aa (gugup) tak de [tidak ada]. Tidak.

H: Daripada manakah sumber dana bagi menyediakan semua bantuan tersebut?

T: Kita hanya mohon pada pihak pihak err (gugup) Pejabat Daerah.

H: Adakah usaha ataupun bantuan yang disampaikan kepada ibu-ibu tunggal?

T: Ada. Aa (memikir) Saya sendiri telah pun memajukan, saya ingat dalam dalam pegangan ibu tunggal saya ni [ini], ada [bunyi kertas] ramai yang telah pun dapat bantuan daripada JKM dan juga daripada Baitul Mal. (bunyi kertas)

H: Bagaimana pula (bunyi kertas) usaha bantuan yang disampaikan kepada anak yatim piaitu? (bunyi kertas)

T: Begitu juga, walaupun tidak (bunyi kertas) ada Asnap [Asnaf] eh. Kita juga mohonkan atas nama yatim piaitu (bunyi kertas). *Alhamdulillah* [syukur]. Setiap tahun pihak err (gugup) Jabatan Mufti mengagihkan peruntukan kewangan dan juga keperluan untuk anak-anak yatim piaitu.

H: Adakah usaha atau bantuan disampaikan kepada mereka yang tidak berkemampuan?

T: Arr (memikir) itu memang ada. Dia sa sa (gugup) saya nasihatkan kepada meke [mereka] yang contohnya yang usia emas, yang tidak kemampuan, supaya mengisi [mengisi] borang, jangan segan segan (bunyi kertas) jumpa saya, dan saya akan majukan pada pihak atasan yang itu pada JKM. Itu terpulang kepada JM [JKM] untuk menyoal siasat dia akan datang. Kalau dia terima dia akan dapat. (bunyi kertas)

H: Adakah kampung ini pernah mendapat anugerah tok?

T: Ya. Anugerah Desa Cemerlang tahun 2008.

H: Baiklah terima kasih tok. err (gugup) rakaman berhenti seketika dan akan sebe (gugup) bersambung sebentar lagi.

M: Rakaman bermula kembali.

M: Tok. Adakah, saya (mencelah). (batuk) Kampung Paya Lebar ini pernah mendapat kunjungan lawatan dari Menteri Besar atau Sultan?

T: (Bunyi kertas). Ya *Alhamdulillah* [syukur]. Kampung ni [ini] walaupun kampung, aa (gugup) saya nak cakap Kampung Paya Lebar ni [ini], kampung hulu Jementah ye. Hmm. Sebab jauh, jauh daripada jauh daripada Segamat. Aa (gugup) *Alhamdulillah* [syukur]. Pada bulan tiga tahun ni [ini], Menteri Besar telah pun datang hadir ke kampung saya ni [ini] dan duduk dalam, dalam bersama sama saya di di di balai raya ni [ini], bagi menengok sendiri apa jua cadangan (bunyi kertas) --- cadangan tanah yang saya mohon untuk dijadikan Rumah Mesra Rakyat. *Alhamdulillah* [syukur], walaupun dia tak [tidak] lama lebih kurang empat puluh lima minit, dalam lawatan dia ke Mukim Jementah ada.

M: Emm (gugup) boleh tok beritahu apakah siapakah Menteri Besar ataupun Sultan yang pernah datang?

T: Yang baru ni [ini] adalah Menteri Besar kita Yang Berhormat arr (gugup) Dato Khalid Nordin. Sultan lalu saja lah, tapi tak [tidak] singgah. Ia dia singgah di Pulapol. Bermalam di Pulapol.

M: Baiklah, adakah Kampung Paya Lebar ini ada mengadakan aktiviti ataupun program bagi menaikkan nama kampung ini (bunyi kertas) kearah yang lebih baik?

T: (mulut berdecep). Sejauh ni [ini]. aa (bunyi kertas) tak de [tiada] eh. Walau bagaimanapun, Kampung Paya Lebar ni [ini] dengan apa juga sebab, saya selaku ketua kampung, apa juga yang saya buat, saya aktif dalam *Facebook* eh. Saya ajukan atau pun saya kemukakan, dalam apa juga kemuka (gugup) kegiatan dalam kampung, saya dedahkan di dalam *Facebook*. Dan *Alhamdulillah* [syukur] eh, Kampung Paya Lebar adalah satu kampung yang terkenal dalam daerah Segamat ni [ini], eh dan untuk memajukan kampung, itu *InsyaAllah* [dengan izin Allah], mudah-mudahan selepas saya ni [ini], eh, ada lebih baik daripada saya lah untuk majukan kampung ini.

M: Apakah nama *Facebook* tok?

T: (gugup) Rahmad Sidin.

M: Adakah tok selalu berinteraksi dengan penduduk kampung atau pun orang luar yang ingin mendapatkan maklumat mengenai Kampung Paya Lebar ini melalui Facebook.

T: Aa (gugup) sebenarnya orang luar yang selalu nak [hendak] amek [ambil] saya punya, saya punya maklumat lah eh. Orang kampung ni [ini] tak [tidak] tak semua, (memikir) yang muda-muda tu [itu] adalah. Sebab saya pun rasa *Alhamdulillah* [syukur] lah eh, (bunyi kertas) Walaupun saya sekolah tak [tidak] tinggi, kata orang tua ketinggalan dari segi pelajaran, tetapi sat (gugup) tak [tidak] ketinggalan daripada gi [segi] arus arus aih (gugup) barulah. Contohnya *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. (bunyi kertas)

M: Jadi, selain daripada Facebook (memikir) tok ada media sosial lain untuk berkomunikasi dengan penduduk?

T: Ada. *Instagram*. *Instagram* ada yang lain takde [tiada] lah. *Skype*, *Skypeweb* ada. (bunyi kertas) *Skypeweb*. (mencelah)

M: Okay [baiklah]. Jadi adakah kampung ini juga ada mempunyai individu penting atau tokoh?

T: (Bunyi kertas). Arr (gugup). Buat sekarang ni [ini] takde [tiada]. Takde [tiada]. Cuma yang ada, jawatan yang paling tinggi saya tengok adalah seorang err (memikir) DSP. Dispen Tanga Polis. Yang lain tu [itu] guru besarlah.somi istri [suami isteri] guru besar adalah. Pengetua Sekolah Tinggi Segamat dan (bunyi burung) Pengetua Sekolah Dato Bentara Luar.

M: Kira-kira dalam berapakah mereka yang (bunyi kenderaan) mempunyai yang merupakan individu penting?

T: Emm (gugup) dalam Kampung Paya Lebar seperti yang saya cakap tadi takde [tiada] yang VIP lah takde [tiada]. Amm (gugup) (Tok Rahmad sedang memastikan jawapan) takde [tiada]. Memang takde [tiada].

M: Baik. Emm (memikir) jadi [bunyi burung], apakah kawasan tarikan yang terdapat di Kampung Paya Lebar ini?

T: Kawasan?

M: Kawasan tarikan.

T: Sebenarnya saya sebagai ketua kampung eh, kawasan banjir belakang tu [itu], kalau saya lama lagi ketua kampung, mungkin saya nak (hendak) jadikan satu tempat peranginan. Contoh, saya nak kan sebab kawasan sungai tu [itu] sentiasa di alir mengalir air yang mengalir, saya dah bercakap dengan pihak GPS untuk memohon jadikan empangan. Dimana kita dapat kawal air itu dan boleh kita kiri kanan kita jadikan tempat peranginan atau tempat persinggahan orang. Tapi Alham ape ape yang boleh dibuat, saya tak [tidak] sempat nak [hendak] buat benda itu semua eh, tapi be be (gugup) buat masa sekarang ni [ini], takde [tiada] lah tempat yang boleh dilawati dan sebagainya. Takde [tiada].

M: Jadi adakah usul ini itu tok akan kemukakan kepada ketua kampung sekarang ini atau pun tidak?

T: *InsyaAllah* [dengan Izin Allah]. Saya rasa saya akan mukakan [kemukakan] pada yang baru ni, Arr (gugup) tu terpulanglah pada diorang. Pa (gugup) pada saya berpotensi dibangunkan belakang tu sebab, (bunyi kerusi) selain daripada tempat tu sekarang tempat orang mancing [memancing] ikan, kalau kita tahan buat satu macam empangan atau sekatan air, boleh juga kita adakan err (gugup) perahu, err (gugup) dan sebagainya. Rasa saya itu akan menambahkan kecantikan kampung ni.

M: Kay [baik]. Seperti yang disedia maklum, Kampung Paya Lebar ini mempunyai banyak kawasan pertanian. Jadi adakah usaha untuk melebarkan lagi atau memajukan lagi apa aktiviti pertanian di kampung ini? (bunyi kertas).

T: Sebagai ketua kampung, saya memang contoh balai raya ni [ini] sendiri eh. Saya pun dah [sudah] bercakap dengan Ketua Wanita supaya jangan balai raya yang tersergam ini dijadikan macam apa kata orang, aa (memikir) yang tak guna lah. Ada bangunan tapi tak tahu nak guna. —Seelok-eloknya, adakan aktiviti masak-masak untuk wanita dan sebagainya. Malahan, sebagai ketua kampung saya telah mendapatkan bantuan daripada pihak aa (gugup) ADUN aa (gugup) ADUN Jementah dulu (bunyi telefon). Err (memikir) masa tu [itu] bendera dipegang oleh Doktor Doktor Lee, di mana setelah dimana saya telah mohonkan dengan peti ais,

dengan dapur gas sebagainya. Tapi, malangnya arr (memikir) mungkin takde [tiada] lagi kesempatan pihak wanita nak [hendak] buat dan sebagainya. Dan satu lagi, untuk ibu-ibu tunggal, (bunyi kertas) saya juga telah mendirikan arr (gugup) satu bengkel bukan bengkel, arr (memikir) rumah pondok untuk mem me me me pe (gugup) menanam cendawan eh. Cendawan. Dan tak lama juga dah [sudah] mati. Sebab ramai yang dah [sudah] dah [sudah] dah pun [sudah pun] meme(gugup) meninggal dan sebagainya.

M: Baiklah, rakaman berhenti seketika dan akan bersambung sebentar lagi.

RAKAMAN BERMULA

M: Okay. [Baiklah] Sekarang ini kami ingin (bunyi kenderaan) menjuruskan soalan lebih terperinci kepada a;ktiviti ekonomi di Kampung Paya Lebar ini. Jadi, boleh tak [tidak] (Tok Rahmad batuk) atok berikan secara umum apakah ekonomi yang dijalankan di Kampung Paya Lebar?

T: Kampung Paya Lebar sebagaimana yang saya maklumkan tadi (bunyi kertas) adalah kampung tradisional di mana tanah yang dikurniakan adalah tanah pertanian dan sudah semestinya hasil adalah hasil pertanian .Sama ada sawit dan juga getah, ya. Sebab sekarang ni [ini] separuh daripada aaa ape (gugup) ahli ataupun penghuni kampung ni [ini] telah pun menukarkan getah kepada kalau boleh kelapa sawit eh.

M: (bunyi kertas) Adakah aktiviti penternakan di kampung ini?

T: Ada. Aaa(memikir) kambing dan juga lembu. Di mana seorang pengusaha tu [itu] (bunyi kertas) sekarang ni [ini] ada yang telah pun me mem aa (gugup) membela aah (gagap) memelihara kambing lebih daripada 20 ekor. 100 lembu aa satu aa di di (gugup) yang nampak lalu (memikir) Barakah Enterprise eh, aa (gugup) Cik Kuti Ahmad, memelihara lembu, (bunyi kertas) yang bekalkan lembu lah kepada bukak (gugup) yang nak memelihara lembu. Tu [itu] dia. (bunyi kertas)

M: Baik. Ermm (gugup) daripada sumber manakah mereka menjalankan aktiviti pertanian atau pun penternakan? (bunyi kenderaan) Adakah dia mengambil sumber daripada kewangan sendiri ataupun ada sumbangan daripada pihak luar?

T: Ah (gugup) (bunyi kenderaan) awalnya dia ber ber (gugup) secara sendiri dan saya telah pun menasihatkan juga supaya mereka tidak boleh menternak ni [ini] mestilah melalui dengan Jabatan Haiwan eh. Supaya andai kata ada berlaku sesuatu kes penyakit dan sebagainya, jadi tidaklah menyalahkan kepada pihak penternak. Ini secara berhubung dengan Jabatan Haiwan Segamat. (bunyi kertas)

M: Adakah usaha untuk menambah baik atau melebarkan lagi aktiviti pertanian atau penternakan seperti menternak binatang lain ataupun menanam tanaman selain daripada getah ataupun kelapa sawit di Kampung Paya Lebar ini?

T: Ah (memikir) buat sekarang ni [ini] tak [tidak] ada. Memandangkan Kampung Paya Lebar adalah kampung yang juga diduduki oleh penghuni eh. Kita tidak tidak ada err (memikir) tanah untuk kata orang tu [itu] tanah untuk ternakan ya. Sebagai contoh, *reserved* [ditempah] untuk ternak lembu, kerbau, dan sebagainya tak [tidak] ada eh. Jadi, menternak secara kata orang tu [itu] secara masing-masing lah, individu. Kadang-kadang, menternak ni [ini] selalunya lembu dan kambing menyebabkan kawasan ternakan yang luas eh. Memerlukan kawasan ternakan yang contohnya, kalau lima, enam puluh ekor lembu bukan kawasan yang sikit eh, jadi sekarang ini ada pun lebih kurang itulah dalam tujuh, lapan ekor sahaja macam tu [itu].

M: Baiklah, (bunyi kertas) jadi untuk IKS, adakah ada Industri Kecil dan Sederhana di kampung ini?

T: Tidak ada.

M: Tidak ada. Apakah pula perusahaan di kampung ini seperti kedai atau apa?

T: Yang lain-lain itu, kedai-kedai runcit ada, kedai makan, restoran ha bukan kedai warung lah warung makan ada dua (tersasul) tiga. Yang lain-lain tu [itu] tak [tidak] adalah.

M: Adakah perusahaan itu dilopori [dipelopori] oleh penduduk Kampung Kaya (tersasul) Paya Lebar ataupun daripada pihak luar?

T: Semuanya orang Kampung Paya Lebar.

M: Baik. Apakah pula bangunan terawal yang dibina di Kampung Paya Lebar ini?

T: Kampung yang terguna err (gugup) yang terawal ialah balai belia iaitu tahun 1987. Di mana peruntukan pertama ialah terterbinanya (balai belia ya. Dijadikan tadika sekarang ni [ni]).

M: Baik. Apakah pula perubahan yang terdapat di Kampung Paya Lebar sekarang ini?

T: Perubahannya yang saya nampak ialah kalau (bunyi kertas) dulu tidak ada (gugup) gelanggang futsal, sekarang dah [sudah] ada, kalau dulu tidak ada kam (gugup) tidak ada balai raya, sekarang dah [sudah] ada tu [itu] balai raya dengan pentas dewan malahan digunakan untuk majlis kahwin dan sebagainya. Kalau dulu, surau hanyalah surau kayu, sekarang dah (sudah) surau semuanya batu dengan batu. *Alhamdulillah* [dengan izinnya] dan malahan kalau orang kata macam masjid. Walau bagaimanapun, sabar. Saya dah [sudah] cakap dengan orang kampung supaya bersabar di mana kita telah mohon untuk solat Jumaat tidak diluluskan oleh aa (gugup) Jabatan Mufti.

M: Emm (memikir) baik, jadi boleh encik (tersasul) tok ada keinginan lagi tak [tidak] untuk mengusulkan lagi cadangan itu?

T: Sebenarnya, benda ni [ini] tak [tidak] boleh mati macam tu [itu] saja. Saya dah p(sudah) cakap dah [sudah] dengan Pengerusi surau. Supaya permohonan ini, sepanjang tahun kita majukan. Sebab semasa Datuk Mufti datang merasmikan solat Jumaat di Pulapol, saya duduk bersebelahan dengan Datuk mufti. Datuk Mufti telah berjanji dengan saya akan memberikan kelulusan untuk surau saya ni [ni] untuk Solat Jumaat eh. Saya pegang pada kata-kata Datuk mufti. Sebab sa saya (gugup) cakap dengan pengerusi surau, saya boleh majukan aa (memikir) permohonan sepanjang masa.

M: Jadi, daripada manakah dana diambil untuk mendirikan masjid itu. Adakah daripada penduduk kampung sendiri ataupun daripada kerajaan?

T: Ah [memikir] sebenarnya, dana mesjid [masjid] ni [ini] bukan dari orang kampung eh. Baik suro [surau], mesjid [masjid] peruntukan semua daripada kerajaan eh. Cuma kita nak [hendak] mengolahakan bagaimana bentuk suro [surau] yang kita nak [hendak] buat.

M: Baik, apakah pula pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan di Kampung Paya Lebar ini seperti tadika ataupun sekolah rendah?

T: Yang ada tadika, aa (memikir) sekolah rendah belum ada lagi lah.

M: Apakah pula mercu tanda di Kampung Paya Lebar?

T: Pada saya, seperti yang saya cakap awal-awal tadi, mercu tanda sebuah kampung Melayu adalah surau eh. Kalau surau itu hidup, makna hiduplah kampung itu eh. Selain daripada kegiatan ekonomi, kegiatan aa (memikir) masyarakat ni [ini] yang sentiasa ke hadapan lah.

M: Baik, apakah pula (memikir) struktur pentadbiran kampung daripada permulaan sehingga kini?

T: Maksudnya, contoh?

M: Seperti macam contoh, siapakah pemimpin tertinggi, AJK ataupun (memikir) orang yang bertugas untuk terutamanya untuk menyelesaikan masalah dan juga pentadbiran di kampung ini?

T: Ye lah. Biasanya memang ketua kampung eh, jadi apa juga masalah yang timbul dalam kampung, mestilah yang pertama sekali, ketua kampung yang kena ambil peranan eh. Samada benda tu [itu] disemak sama ada akan dimajukan kepada pihak penghulu. Biasanya pada Penghulu lah eh. Kalau melibatkan masyarakat kalau melibatkan aa (gugup) bahagian aa (gugup) pembangunan kampung, kebaikan kampung apa juga yang berlaku dalam kampung, biasanya kita akan majukan kepada penghulu eh. Dan penghulu akan menimbangkan balik sama ada akan

datang melawat kampung tu [itu] ataupun akan terus bawak [bawa] kepada Pejabat Daerah.

M: Baik, jadi adakah Kampung Paya Lebar ini pernah terpilih untuk mengadakan program-program ataupun aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan?

T: Sejauh ini, yang besar tak [tidak] adalah eh, yang kecil-kecil tu [itu] (bunyi kertas) biasa adalah sebagai contoh program aa (memikir) macam daripada JPAM eh, aa (memikir) cara-cara nak menyelamatkan kebakaran dan sebagainya, pertolongan cemas, lepas tu [itu] daripada KEMAS sendiri bagaimana nak aa (memikir) ialah mendidik orang kampung supaya mematuhi apa juga kehendak kerajaan sebab sebagai Kospen penye ape ape ape (gugup) Kesihatan Kospen eh, Komkissat [Komunisat] Perkasa Negara daripada Kementerian Kesihatan lah.

M: Baik, hmm. Sepertimana yang tok pernah katakan (memikir) ada banyak aktiviti dan program yang dijalankan di kampung ini, jadi ber (gugup) berapakah kekerapan aktiviti anjuran

T: Okay [Baiklah]. JKKK (memikir) kekerapan aktiviti anjuran JKKK biasanya empat kali dalam sebulan yang itu itu pakatan Yassin lah eh, Yasin dan wanita. Keceriaan satu kali sebulan, gotong-royong dan sebagainya. Purata penglibatan bilangan orang kampung (bunyi cicak) adalah lebih kurang 40 atau 50 orang lah eh, tak [tidak] semua yang hadir dan jenis-jenis aktiviti yang dianjurkan yang dianjurkan oleh JKKK adalah kebanyakan kebudayaan, kesenian, dan sebagainya.

M: Baik. Apakah pencapaian yang pernah diperoleh kampung ini?

T: Pencapaian sebagai contoh?

M: Aa (memikir) seperti kampung wawasan atau pun kampung terbaik?

T: Ha ye [ya] lah, sebagai yang cakap tadi, kampung ini telah pun menerima sebagai err (gugup) desa Anugerah Desa Cemerlang tahun 2008 dan Anugerah Surau Cemerlang tahun 2008 juga dan saya sendiri telah pun berkali beberapa kali telah pun diperakukan di di dianugerahkan aa (memikir) anugerah-anugerah kehormat lah

Ibu dan Ayah sendiri (ralat) [Mithali] eh sebagai ketua kampung yang cemerlang dan sebagainya. Banyak lah ada sijil-sijil...(ayat tidak jelas)

M: Baik, jadi, apakah seperti mana yang di disediakan maklum, terdapat kursus dan juga latihan GDW yang telah dihadiri, jadi bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai kursus dan latihan yang telah dihadiri? (bunyi kertas)

T: Okay [baiklah] (memikir) (bunyi kertas) . Kursus-kursus yang telah dihadiri di dihadiri (mulut berdecep) biasanya semua aa (memikir) jawatankuasa ataupun ketua kampung mesti menghadiri kursus ketua kampung yang dianjuri oleh aa (gugup) KEMAS yang itu akan di di (memikir) diadakan di Infra sana,dan saya sendiri telah pun ber er ber (gugup) berulang kali pergi kursus di Infra di sama ada di Kuala Lumpur atau atau pun di Melaka eh. Jadi, di situ juga kita dapat bercampur dengan seluruh ketua-ketua kampung seluruh seluruh negara sebenarnya. Pernah sekali seluruh Malaysia buat di Bangi, Selangor.

M: Baik, bolehkah pula tok jelaskan projek ekonomi yang telah diusahakan oleh G De[D] W dan JKKKP di kampung ini?

T: (Memikir) Projek? (bunyi kertas)

M: Projek seperti tahun bilakah, nilai biaya dan jenis projek yang telah dilaksanakan?

T: Ha okay [baiklah]. Yang pertama eh. Pada tahun 2012, (memikir) balai raya telah pun menerima peruntukan RM 100,000 (memikir) iaitu dengan tayek (gugup) naik taraf se (gugup), (memikir) nilai biaya sebanyak RM 100,000 untuk menaik taraf surau apatah lagi di Kampung Paya Lebar. Itulah saya katakan tadi, daripada papan telah pun dijadikan batu di kelilingnya, (bunyi kasut) dan juga balai aa (gugup) bilik air dan sebagainya. Institusi pembiaya (bunyi meja) dibiayai oleh err (gugup) pembangunan negeri. Pada tahun 2012, erm per (gugup) perolehi RM 60,000, jenis projek yang nak naik taraf balai raya ni [ini]. Kampung Paya Lebar ni [ini] eh. Dulu semua papan ni [ini]. Pintu papan, tingkap papan semua, yang lain-lain tu [itu] biasalah. (bunyi kertas)

M: Baiklah, rakaman berhenti seketika dan akan disambung sebentar lagi.

RAKAMAN BERMULA

M: Bolehkah encik (tersasul) bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai organisasi dan persatuan kampung? (bunyi kertas) (bunyi kerusi)

T: Okay [baiklah]. Organisasi persatuan kampung, (berdehem) yang pertamanya ialah persatuan kumpulan Yassin wanita eh, yang mana sekarang ni [ini] diketuai oleh Puan Hajah Halijah binti Rabu. Persatuan Belia Bestari Paya Lebar, (bunyi kertas). Pengerusinya dulu saya tapi sekarang telah (gugup) di dilantik dilantik pada orang lain eh. (bunyi kertas) (memikir) erm (Maisarah mencelah) dan Sukan dan Rekreasi. Pengerusinya anu sau (gugup) saudara Nurhasrizan bin Haji Tasyrib. (memikir) Kategori [gugup] er gi (gugup) Persatuan UMNO cawangan Paya Lebar dulu saya ,sekarang di pe (gugup) dipegang oleh pemangku saya iaitu saudara Jaini bin Haji Kardi dan Rukun Tetangga oleh Encik Puteh bin Ahmad.

M: (bunyi kerusi) Baiklah. Apakah pula pencapaian kampung ini? Bolehkah tok jelaskan lebih terperinci? (bunyi kenderaan)

T: Okay. [Baiklah] Pencapaian, pada tahun, Anugerah Desa Cemerlang pada tahun 2007 merangkap Daerah Segamat eh, Johan Anugerah Masjid dan Surau 2007 Peringkat Daerah Segamat juga. Saya tewas di (bunyi kertas) dengan err (gugup) felda di Batu Pahat dulu (bunyi kertas), Felda ada peruntukan sekarang susah takde [tiada] peruntukan eh (Ton perlahan). Johan Ibu-Bapa Mithali saya sendiri peringkat daerah tahun 2008 dan Johan Keceriaan Hari Merdeka tahun 2008 pada Daerah Segamat. (bunyi kertas)

M: Baik, sekarang boleh tak [tidak] encik (tersasul) lebih jelaskan dengan terperinci mengenai isu masalah kampung. Sepertimana yang kita telah ketahui, kampung ini pernah mengalami masalah rompak dan sebagainya. Jadi, boleh tak [tidak] en (tersasul) tok lebih jelaskan?

T: Okay [Baiklah]. (Berdehem). Sebenarnya terdapat 36 ekar tanah simpanan kerajaan yang menyebabkan (memikir) bersarangnya makhluk perosak yang mengancam tanah penduduk eh. (memikir) Untuk pengetahuan, kampung saya juga bersebelahan dengan tanah *reserved* [ditempah] ataupun tanah simpanan err Polis Diraja Malaysia yang itu tanah koperasi dia (bunyi kertas) dan sebahagian sebanyak

T: Aa (memikir) sebenarnya bab merancang ni saya tak [tidak] perlu pada saya lah orang lain saya tak tahu utk diri saya pernah pun ber berhubung menanyakan ketua kampung sana ketua kampung sendiri. Pada saya itu, aaa (memikir) menzahirkan kelemahan kita sendiri eh. Di saya ada prinsip saya sendiri, maknanya mencorakkan kampung adalah hak mutlak saya sendiri sebagai ketua kampung eh, apa juga saya nak buat, kemungkinan setelah saya rancang, saya teliti dan saya bentangkan dalam mesyuarat AJK. Mungkin kalau ada yang tak kena barulah saya berjumpa dengan

penghulu kampung bukan ketua kampung eh, penghulu mukim. Jadi penghulu mukim, saya nasihat bagi nasihat pada dia, aa (memikir) boleh tak [tidak] saya buat macam ni [ini] macam ni [ini], Kalau sokongan yang terbaik daripada penghulu, maka kita teruskanlah dengan ketua-ketua kampung, saya katakan akan berbincang dengan dia orang. Kecuali penghulu mukim.

M: Jadi, atok boleh katakan siapakah ketua kampung lain yang atok pernah mintak [minta] tunjuk ajar?

T: Hmm (memikir) pada saya takde [tidak ada].

M: Baik, jadi adakah atok juga ada memberi tunjuk ajar kepada ketua kampung lain untuk merancang, membangunkan dan apa me me (gugup) meminta bantuan untuk membangunkan infrastuktur kampung?

T: Sebenarnya memang ada. Contoh, aaa (memikir) sebab saya dalam kampung Mukim Jementah ini ada dua tiga ketua kampung yang baru. Yang mana setiap kali bermesyuarat di bilik mesyuarat tok penghulu. Sebelum mesyuarat itu diadakan kita dah [sudah] berbincang berbual sesama sendiri dan saya mengambil inisiatif sendiri. Dimana ketua kampung yang baru tu [itu], saya dedahkan apa-apa yang patut dibuat eh. Sebagai contoh profil kampung eh. Macam contohnya macam senarai ahli jawatankuasa, senarai kampung, senarai jemaah dalam kampung. Sepatutnya ada dan dibawa oleh ketua kampung ke mana dia pergi. Aa (memikir) dimana andai kata kita berada di luar kawasan, tiba-tiba pejabat daerah mintak [minta] nama orang tu itu] nama orang ini sebagainya dan yang lebih penting sekali adalah senarai yang terlibat dengan aaaa (memikir) bantuan daripada JKM, contohnya, bantuan daripada Baaitulmal. Jadi kalau kita takde tiada] senarai yang kita bawa mungkin kita tak [tidak] dapat nak [hendak] nak [hendak] bagi *on the spot* [secara terus] sebagai contoh nombor nombor kad pengenalan dan sebagainya. Haa itu lah mesti saya bagi kepada ketua-ketua kampung yang baru lah. Hmm (memikir)

M: Baik, aa (memikir) jadi boleh tak [tidak] kalau kami tanya bagaimanakah atok boleh terpilih sebagai ketua Kampung Paya Lebar ini?

T: Haa ni [ini] citer [cerita] lama. Hmm (berdehem). Setelah saya bersara daripada tentera. Aaa (memikir) saya telah pun mengikuti err (memikir) bekerja dgn dua

syarikat err (memikir) korporat yang besar yang itu Renung Berhad dan juga Prembargo Construction selama lebih kurang empat belas tahun. Aaa (memikir) apabila saya balik kampung tahun 2005, aa (memikir) sebenarnya Kampung Paya Lebar ini adalah (bunyi kenderaan) telah pun dipecahkan kepada kampung yang terbaru yang termuda dalam aaa (memikir) Mukim Jementah yang itu Jementah Lapan dan disitu lah aa (memikir) penghulu masa tu [itu] Tok Latip aa (memikir) Tok Latip. Gru [guru][tersasul] Latip Kaliman yang telah lama juga saya kenal dengan dia. Jadi dia telah pun mencadangkan kepada saya untuk saya menerima jawatan ketua kampung. Mula- mula saya fikirkan jugak [juga] lah, memang apabila boleh jadi ketua kampung ni [ini], yang pertamanya amanah Allah eh. Bukan satu jawatan yang suka-suka kita pegang. Makna kita mesti bersedia untuk 100% berkhidmat kepada kampung dan pada saya memang dua puluh empat jam rumah tu [itu] sentiasa terbuka, bila-bila masa orang nak [ketuk] pintu rumah eh. Jadi, saya menerima jawatan tu [itu], dan daripada situlah bermulanya saya menceburkan diri dalam ketua kampung pada na na naik (gugup), bulan Jun tahun 2006 (memikir).

M: Baik, aa (memikir) untuk soalan tambahan, bolehkah tok beritahu adakah kampung ini pernah dijajah. (tersasul). Eh, seperti mana yang kita maklum, kampung ini pernah dijajah oleh pihak Komunis. Jadi mengikut anggaran tok, kira-kira berapa lama kah kampung ini telah dijajah?

T: Sebenarnya (berdehem), (bunyi kenderaan). Era penjajahan ni [ini], bukan kampung ini sahaja eh, seluruh Tanah Melayu pada masa itu adalah pun telah pun di kita faham, sejarahnya, telah pun diceroboh oleh [aa] Jepun sehingga Jepun *surrender* [menyerah] tahun 1945, apabila Jepun *surrender* [menyerah], dengan kejatuhan err (memikir) dengan dengan Amerika menjatuhkan bom aa (memikir) di di (memikir) di Hiroshima tak [tidak] silap saya. Jadi Jepun telah pun *surrender* [menyerah], dan bermula pada itu, British telah pun mengambil balik Tanah Melayu eh. (bunyi kenderaan). Sampai hari Merdeka kita, (bunyi telefon) di mana telah pun err (memikir) err (memikir) kemerdekaan telah pun di di di (memikir) apa di di pupuk oleh Yang Teramat Mulia Allahyarham emm [memikir] Almarhum Tunku Abdul Rahman pada 1957, kita telah pun men mencapai kemerdekaan di aa (memikir) masalah penjajahan dalam kampung ni [ini], tidak dijajah oleh sesiapa kecuali Komunis balik pada British itu saja lah eh Makna bukan kampung ini sahaja, semua dalam Tanah Melayu. Masa formasi tu, sebelum Malaysia lah.

M: Jadi apakah perasaan tok bila melihat kampung ini ataupun negara pernah diajah oleh kuasa luar?

T: Aa (memikir) itu sebenarnya, saya sendiri pada masa tu [itu] masih kecil [kecil eh, tahun 57 saya masih bersekolah lagi. Aaa (memikir) jadi, saya tak [tidak] dapat nak [hendak] merasakan bagaimana saya, seperti saya telah berkhidmat dalam tentera eh. Di mana saya telah pun salah seorang yang juga me me (memikir) menjaga keamanan negara dengan menceburi dalam bidang tentera pada tahun 19 er (memikir) 65 eh. Jadi masa penjajahan tu [itu], saya masih kanak-kanak lagi jadi saya pasti, sepe mana (gugup) seperti mana negara yang kita tengok sekarang ni [ini], atau pun masih dalam penjajahan, bagaimana sukarnya mereka hidup. Saya tak [tidak] nafikan bahawa aa (memikir) kampung ini juga dan seluruh Tanah Melayu pada masa itu, sebenarnya di dalam keadaan yang amat mendukacitakan eh. Sebagai negara yang dijajah oleh penjajah.

M: Jadi, boleh kami tahu apakah tindakan yang pernah diambil untuk memastikan keselamatan kampung dan penduduk ketika dijajah oleh kuasa luar?

T: Aa (memikir) itu saya tak [tidak] pasti sebab pada masa itu almaklum saya sendiri pun tidak ada di sini. Saya pasti itu telah pun diambil alih atau pun di dipertanggungjawabkan seluruhnya kepada pihak berkuasa. Sama ada polis atau Pejabat Daerah eh. Jadi kita dah [sudah] tahu ha (memikir) semasa Jepun ada ada kete (gugup) ada AC, aa itu pertubuhan daripada cabang daripada polis dan juga tentera. Jadi sele (gugup) sebelum daripada tu [itu] kita tak [tidak] tahu lah, saya sendiri tak [tidak] tahu apa yang berlaku dalam kampung ni [ini] lah heh. Sehingga sebab saya masuk sini pun, saya jadi ketua kampung pun, dah 2000, tahun 2006 eh. Jadi dalam penjajahan 2000 (tersasul) 1957 Merdeka, saya masih kecil [kecil] lagi masa- masa tu [itu].

M: Jadi boleh kami tahu daripada manakah atok amm (memikir) Kampung Paya Lebar ini pernah dijajah oleh pihak Komunis?

T: (Mulut berdecep) erm (memikir) sebenarnya, (berdehem), saya rasa bukan saya sorang [seorang] yang tahu bab Komunis ni [ini] eh. Seluruh rakyat Malaysia cintakan negara faham pergolakan aa (memikir) dan dan aa (memikir) rasa (memikir) pahit maungnya dalam penjajahan eh. Sebagai contoh, mula-mula Jepun, dijajah oleh Jepun, kemudian dijajah oleh Komunis, dan diambi alih balik oleh penjajah

British. Saya rasa itu semua tak [tidak] dapat tak [tidak] dapat di (gugup) dinafikan pahit maung masa dalam penjajahan eh. Dan bagi saya, aaa (memikir) ya lah kita semua tak [tidak] rasa begemana [bagaimana] penjajahan. (memikir) Contohnya macam saya, seperti saya cakap tadi, tahun 57 saya masih kanak-kanak, dan merdeka, saya kita rasalah kemerdekaan tu [itu] macam mana. Di mana setengah-setengah tempat yang makan nasi kawah sebagainya ya. Macam kampung-kampung takde [tiada], tapi di ladang-ladang, yang 100 peratus di jaga oleh polis dan AC. Memang merasa nasi kawah. Macammana keadaan nasi kawah pada masa itu ya.

M: Amm (memikir) boleh kami tahu nasi kawah itu apa?

T: Sebenarnya nasi kawah itu lah catuan yang di *control* [dijaga] oleh pihak berkuasa eh. Sebagai contoh, haa (memikir) penduduk-penduduk dalam ladang pada masa itu tidak ada tidak ada tidak diberi kesempatan atau tidak beri tidak dibenarkan untuk membeli beras lebih daripada had eh. Makna masak pun secara berkelompok. Jadi, masak pagi tengahari malam, semua di cali di di (gugup) di *centralized* [disamakan] kan atau di satukan dimana *time* [waktu] makan semua oang berbaris untuk ambek [ambil] makanan. Jadi suka nasi kawah pada masa tu [itu] eh. Macam tu [itu] lah caranya.

M: (bunyi kertas) Selain daripada catuan makanan, masa dijajah adakah lagi catuan seperti catuan ekonomi, pekerjaan ditolak dan sebagainya?

T: Itu masa penjajahan saya pun tak [tidak] pasti eh nak [hendak] cerita pun. Saya rasa itu kena kena tanya ahli sejarah la ye. Sebab saya sendiri nak [hendak] cakap melebihi-lebih tak boleh, sebab [berdehem] mestinya dalam penjajahan semua dalam keadaan yang amat mendukacitakan seperti ekonomi dari segi pembelajaran sekolah anak –anak semua takde [tiada]. Malahan, pada masa saya kecil lagi masih ingat, sekolah pun sekolah kampung, sekolah dewasa pada masa itu eh. Aa (memikir) orang tua-tua kampung bersekolah pun hanya sekolah dalam pondok dalam kampung. Takde [tiada] sekolah macam sekarang ni [ini] eh. Tu [itu] je [saja] lah.

M: Baiklah, amm (memikir) apakah kata-kata pedoman atau pun nasihat yang boleh tok berikan mengenai kepentingan untuk menggelakkan diri dan negara daripada dijajah oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab pada masa akan datang?

T: (bunyi kertas) Ya. (berdehem), Itu satu soalan yang baik. Pada saya rakyat mesti paham [faham] eh. Paham [faham] dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataa'la. Contohnya negara kita ni [ini] adalah negara salah satu yang paling aman di dunia. Di mana, saya pun telah banyak kali berbual dan bersembang dengan anak-anak muda, jagalah keselamatan kampung kita, jagalah keselamatan negara, jangan mencipta huru-hara. Sebagai contoh, orang yang datang, orang yang datang ye datang melawat dalam kampung kita dalam dalam dalam Malaysia ni [ini], mereka boleh lalu dengan senang hati waima jalan kaki ataupun berbasikal daripada Johor Bahru sampai ke Perlis. Tidak ada gangguan. Tapi cuba kalau kita tengok negara lain, contohnya di Thailand, berani kita jalan kaki, eh.? Saya rasa tak [tidak] sampai 10 batu dah [sudah] mati kena tembak. (gelak) Tapi dalam Malaysia ni [ini], kita kena jaga lah heh. Dan bersyukur atas err (memikir) kesinambungan aa (memikir) pemerintahan yang diterajui oleh kerajaan Barisan Nasional heh. Itu saja lah.

M: Baiklah, terima kasih atas segala yang tok lakukan untuk maklumat kami melakukan transkrip bagi penulisan sejarah penempatan Kampung Paya Lebar. Kami mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tok Rahmad sebagai mantan ketua Kampung Paya Lebar untuk bekerjasama dengan baik kepada kami sehingga ke hari ini. Terima kasih diucapkan. Sekian terima kasih, tamat.

7.0 LOG WAWANCARA

MASA	PERKARA	MAKLUMAT
0:11	Nama	Haji Rahmad Bin Sidin
01:38	Umur	70 Tahun
03:13	Tahap Pendidikan	SRP
14:12	Cabaran	Mendapatkan sokongan
15:56	Sejarah Kampung	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Paya Lebar adalah hutan simpan dara. • Dibuka untuk bidang pertanian
19:10	Koleksi dan khazanah kampung	<ul style="list-style-type: none"> • Kubur Komunis dan Jepun
37:27	Aktiviti pertandingan atau ikon-ikon kampung	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah mendapat Anugerah Desa Cemerlang

39:42	Dana untuk mendirikan masjid bagi menggantikan surau?	Masih tidak mendapat dana atau pun bantuan.
42:58	Usul-usul untuk penambahbaikan kemudahan yang rosak?	Menitikberatkan penambahbaikan lampu dek kerana jalan menuju ke kampung mempunyai kurang pencahayaan yang elok
44:16	Adakah kampung pernah dilanda banjir?	Pernah berlaku dan aktif dalam memberikan bantuan penempatan sementara kepada mangsa banjir.
47:30	Adakah kampung ini pernah dilawati menteri	Pernah dilawati oleh

	atau pun sultan.	menteri tempatan. Usul bagi kemudahan rumah dari kerajaan telah diusulkan.
50:59	Adakah terdapat kawasan tarikan?	Tiada. Namun ada usulan untuk membuat kawasan tarikan memancing.
1:00:27	Adakah penambahbaikan untuk masalah pentadbiran?	Mengadakan mesyuarat bersama-sama ketua kampung.
1:32:40	Mengenai persatuan kampung?	Persatuan kampung merupakan persatuan yang aktif dan banyak terlibat dalam pelbagai aktiviti.

1:40:51	Dana bagi persatuan kampung?	Bantuan perlu diberi kepada persatuan kampung untuk meneruskan warisan budaya.
1:51:22	Bagaimanakah boleh terpilih sebagai ketua kampung?	Beliau dipilih oleh masyarakat tempatan.
1:52:56	Bilakah kampung ini dijajah?	Dijajah oleh Komunis dan British dan pada masa itu banyak kepahitan hidup telah dihadapi.
01:57:09	Apakah nasi kawah?	Catuan makanan

8.0 KRONOLOGI

No	Tarikh & Masa	Aktiviti	Orang yang terlibat
1	1/9/2017 10.00 a.m	Membentuk ahli kumpulan seramai 2 orang: 1. Maisarah Binti Mokhtar 2. Nurhazimah binti Che Ithnin	Maisarah Binti Mokhtar Nurhazimah Binti Che Ithnin
2	28/9/2017 11.00 a.m	Berbincang mengenai topik dan tema bagi projek berkumpulan.	En. Zul Azmi, Maisarah Binti Mokhtar Nur Hazimah Binti Che Ithnin
3	5/10/2017 2.00 p.m	Mencari dan mengumpul maklumat mengenai kampung yang dipilih melalui carian laman web.	Maisarah Binti Mokhtar Nur Hazimah Binti Che Ithnin
4	6/10/2017 3.00 p.m	Membuat penyelidikan awal ke Kampung Paya Lebar dan mencari siapakah Ketua Kampung bagi kawasan itu.	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
5	10/10/2017 10.00 a.m	Sesi temubual: 1. Membuat panggilan telefon dengan Encik Rahmad Bin Sidin 2. Berbincang memilih tarikh sesuai bagi untuk temuduga awal	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
6	29/11/2017 10.00 a.m	Temubual awal bersama En. Iswadi bin Ahmad (Ketua Kg Pogoh Tengah) mengenai sejarah Kampung Pogoh di rumah beliau.	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che

			Ithnin
7	04/12/2017 10.00 a.m	Berbincang bersama pensyarah di kelas mengenai soalan-soalan yang telah dirangka selepas perjumpaan pada temubual pertama bersama Ketua Kampung Paya Lebar	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
8	9/12/2017 2.00 petang	Menghantar soalan-soalan yang telah siap kepada Encik Rahmad Bin Sidin iaitu mantan ketua Kampung Paya Lebar	Maisarah Binti Mokhtar Nur Hazimah Binti Che Ithnin
9	10/12/2017 3.00 p.m	Temubual sebenar berdurasi 2 jam bersama Encik Rahmad Bin Sidin telah diadakan di balai raya Kampung Paya Lebar	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
10	11/12/2017 8.00 p.m	Membuat transkrip	Maisarah Binti Mokhtar NurHazimah Binti Che Ithnin
11	18/12/2017 7.00 a.m	Membuat transkrip	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
12	19/12/2017 7.00 a.m	Membuat transkrip, log temubual dan lain-lain	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
13	19/12/2017 4.00 p.m	Membuat kulit keras transkrip	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin

14	21/12/2017	Menghantar transkrip kepada pensyarah	Maisarah Binti Mokhtar Hazimah Binti Che Ithnin
-----------	-------------------	--	--

9.0 BIODATA TOKOH



Nama: Haji Rahmad Bin Sidin.

Tarikh Lahir: 5 Julai 1947.

Umur: 70 Tahun

Keturunan :Melayu

Tempat Lahir: Batu Pahat, Johor

Akamat : No.10, Jalan Cempaka, Kampung Paya Lebar, Batu Anam, Segamat.

Pangkat: Haji Rahmad Bin Haji Sidin, P.P.N.,P.J.M.,P.P.M.,P.P.A.,

Gelaran: Tok Rahmad, Tok.

Jawatan yang pernah dipegang: Mantan Ketua Kampung Paya Lebar- JUN 2006-JULAI 2007

10.0 SENARAI SOALAN

1. Assalamualaikum encik, boleh encik beri nama sebenar encik?
2. Selalunya penduduk kampung menggelar encik dengan panggilan apa?
3. Berapakah pula tarikh lahir Tok?
4. Berapakah umur Tok?
5. Dimanakah pula tempat lahir Tok?
6. Dari manakah Tok berasal?
7. Dimanakah pula Tok menetap sekarang dan apa alamat dia?
8. Berapa lama atok sudah tinggal di situ?
9. Apakah pula nama bapa tok?
10. Apakah pula nama ibu tok?
11. Berapakah bilangan adik-beradik tok?
12. Baiklah, apakah pula nama isteri tok?
13. Berapa lama atok sudah mendirikan rumah tangga?
14. Berapakah pula bilangan anak tok?
15. Baiklah, apakah pula tahap pendidikan yang diperoleh tok?
16. Apakah pula sejarah atau latar belakang bidang pekerjaan tok?
17. Jadi pekerjaan atok selain daripada itu?
18. Encik merupakan ketua kampung yang keberapa?
19. Baiklah, apakah pula peranan tok sebagai seorang ketua Kampung Paya Lebar?
20. Baiklah, apakah pula adakah encik aktif dalam kegiatan bermasyarakat?
21. Adakah tok terlibat dalam sebarang kegiatan politik?
22. Apakah pula contoh aktiviti yang berkenaan dengan politik yang tok sertai?
23. Baiklah, bagaimana pula encik bahagikan masa dengan pekerjaan tok sekarang?
24. Bagaimanakah cara tok menguruskan hal-hal kampung dengan teratur?

25. Apakah penganugerahan yang pernah Tok peroleh?
26. Apakah pula sumbangan dalam bidang pekerjaan yang pernah atok ceburi, sebagai ketua kampung?
27. Jadi apakah pula pendapat atau pandangan tok tentang bidang pekerjaan tok?
28. Apakah pula cabaran yang pernah tok lalui sepanjang menyandang jawatan sebagai ketua Kampung Paya Lebar ini?
29. Bagaimanakah sejarah awal pembentukan Kampung Paya Lebar Segamat?
30. Adakah kampung ini mempunyai koleksi atau pun khazanah peninggalan sejarah?
31. Boleh kami tahu dalam anggaran berapakah ramai penduduk di Kampung Paya Lebar pada masa kini?
32. Dalam kalangan kira-kira berapakah usia penduduk kampung ini?
33. Berapa pula anggaran rumah di Kampung Paya Lebar kini?
34. Berapakah pula kira-kira pendapatan isi rumah penduduk kampung ini?
35. Apakah struktur pekerjaan penduduk kampung?
36. Berapakah kira-kira keluasan keseluruhan kampung ini?
37. Adakah terdapat tanah yang terbiar atau pun tanah hak milik kerajaan di kampung ini?
38. Kampung ini diiktiraf sebagai apa tok?
39. Pada sekitar tahun berapakah kampung ini diiktiraf tok?
40. Apakah etnik yang terdapat di Kampung Paya Lebar?
41. Apakah adat istiadat dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat di Kampung Paya Lebar?
42. Apakah cara institusi pendidikan di Kampung Paya Lebar ini?
43. Kira-kira berapakah institusi pendidikan di kampung ini?
44. Adakah penglibatan pelajar di kampung ini adalah secara terhad kepada ahli penduduk atau pun terbuka?
45. Adakah kampung ini telah melahirkan penduduk yang berjaya?
46. Adakah ada usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikkan untuk menambah institusi pendidikan di kampung ini?

47. Jadi kiranya atok pernah berwawasanlah untuk mendirikan institusi pendidikan di kampung ini?
48. Jadi apakah aktiviti kemasyarakatan yang selalu dijalankan di kampung ini?
49. Adakah kampung ini ada melakukan kerjasama dengan kampung lain dalam sebarang bentuk aktiviti kemasyarakatan?
50. Apabila kami melihat kampung ini, kampung ini memang mempunyai persekitaran yang cantik. Jadi, adakah terdapat program untuk mencantikkan lagi kawasan Kampung Paya Lebar ini?
51. Jadi untuk mencantikkan kampung ini, apakah dana atau pun sumbangan yang diperoleh? Daripada sumber mana?
52. Adakah Kampung Paya Lebar ini pernah mengalami masalah terutamanya dalam kekurangan kemudahan infrastruktur atau pun keselamatan?
53. Jika ada berlaku kes-kes jenayah seperti pecah rumah, apakah tindakan tuan, tok ataupun AJK AJK kampung dalam mengatasi masalah-masalah begini?
54. Bagaimanakah pula sistem keselamatan yang ada ataupun yang telah ada di kampung ini?
55. Jadi, ahli untuk pantauan keselamatan atau rondaan itu, mungkin daripada kampung ini atau pun ambil daripada kampung lain?
57. Adakah ada usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikan untuk menyelesaikan masalah? seperti bermesyuarat?
58. Adakah terdapat penglibatan dan persatuan belia di kampung ini?
59. Apakah aktiviti yang dijalankan?
60. Adakah juga terdapat penglibatan dan persatuan wanita di kampung ini?
61. Berbalik kepada soalan persatuan belia tadi, adakah penglibatan hanya untuk belia di kampung ini sahaja atau terbuka kepada belia daripada kampung lain.
62. Adakah juga program atau pun aktiviti yang mungkin dijalankan oleh tok atau pun ketua kampung sekarang ini untuk membantu belia dan orang muda dari kegiatan negatif seperti mencuri, dadah dan sebagainya?
63. Apakah pula kesan yang akan terjadi sekiranya belia ataupun orang muda di kampung ini tiada persefahaman dan tidak bersatu?

64. Jadi kiranya, belia seharusnya bersatu dan bersefahaman untuk membantu lagi mencantikkan kawasan kampung ini dan sebagainya?
65. Jadi adakah di kampung ini terdapat aktiviti seperti pertandingan ataupun ikon-ikon kampung?
66. Baik, jadi kiranya kampung ini aktif untuk melakukan pertandingan dan sebagainya?
67. Bagaimanakah pula agihan tugas kepada AJK kampung sewaktu merancang aktiviti atau pun program?
68. Jadi, apakah aktiviti atau pun program yang dijalankan bagi program surau?
69. Difahamkan ada keinginan untuk mendirikan sebuah masjid. Dari manakah dana diperoleh untuk mendirikan majlis tersebut?
70. Dimaklumkan terdapat pelbagai aktiviti dijalankan di kampung ini seperti musyawarah sukaneka. Jadi bagaimanakah perpaduan antara satu sama lain terbentuk?
71. Adakah penglibatan program tersebut dijalankan secara menyeluruh kepada seluruh penduduk kampung atau sebahagian sahaja?
72. Bagaimana pula perkembangan sistem politik di Kampung Paya Lebar pada masa kini?
73. Bolehkah tok kongsi carta organisasi bagi kampung ini?
74. Baiklah. Ada usaha-usaha dijalankan bagi penambahbaikan seperti kemudahan kampung yang rosak?
75. Apakah sistem pengangkutan yang digunakan di kampung ini sebelum terbinanya jalan raya?
76. Difahamkan Segamat ini selalu dilanda banjir kerana struktur muka bumi yang rendah. Adakah Kampung Paya Lebar ini juga pernah mengalami banjir?
77. Apakah usaha atau bantuan yang disampaikan kepada mangsa-mangsa banjir?
78. Adakah pihak kampung ada menyediakan balai raya atau penempatan sementara kepada mangsa banjir?
79. Adakah kampung ini ada menyediakan bantuan kepada mangsa banjir dari kampung lain?
80. Daripada manakah sumber dana bagi menyediakan semua bantuan tersebut?

81. Adakah usaha ataupun bantuan yang disampaikan kepada ibu-ibu tunggal?
82. Bagaimana pula usaha bantuan yang disampaikan kepada anak yatim piatu?
83. Adakah usaha atau bantuan disampaikan kepada mereka yang tidak berkemampuan?
84. Adakah kampung ini pernah mendapat anugerah tok?
85. Kampung Paya Lebar ini pernah mendapat kunjungan lawatan dari Menteri Besar atau Sultan?
86. Boleh tok beritahu apakah siapakah Menteri Besar ataupun Sultan yang pernah datang?
87. Baiklah, adakah Kampung Paya Lebar ini ada mengadakan aktiviti ataupun program bagi menaikkan nama kampung ini kearah yang lebih baik?
88. Apakah nama Facebook tok?
89. Adakah tok selalu berinteraksi dengan penduduk kampung atau pun orang luar yang ingin mendapatkan maklumat mengenai Kampung Paya Lebar ini melalui Facebook.
90. Jadi, selain daripada Facebook Tok ada media sosial lain untuk berkomunikasi dengan penduduk?
91. Jadi adakah kampung ini juga ada mempunyai individu penting atau tokoh?
92. Kira-kira dalam berapakah mereka yang mempunyai yang merupakan individu penting?
93. Apakah kawasan tarikan yang terdapat di Kampung Paya Lebar ini?
94. Jadi adakah usul ini itu tok akan kemukakan kepada ketua kampung sekarang ini atau pun tidak?
95. Seperti yang disedia maklum, Kampung Paya Lebar ini mempunyai banyak kawasan pertanian. Jadi adakah usaha untuk melebarkan lagi atau memajukan lagi apa aktiviti pertanian di kampung ini?
96. Sekarang ini kami ingin menjuruskan soalan lebih terperinci kepada aktiviti ekonomi di Kampung Paya Lebar ini. Jadi, boleh tak atok berikan secara umum apakah ekonomi yang dijalankan di Kampung Paya Lebar?
97. Adakah aktiviti penternakan di kampung ini?

98. Daripada sumber manakah mereka menjalankan aktiviti pertanian atau pun penternakan? Adakah dia mengambil sumber daripada kewangan sendiri ataupun ada sumbangan daripada pihak luar?
99. Adakah usaha untuk menambah baik atau melebarkan lagi aktiviti pertanian atau penternakan seperti menternak binatang lain ataupun menanam tanaman selain daripada getah ataupun kelapa sawit di Kampung Paya Lebar ini?
100. Adakah ada Industri Kecil dan Sederhana di kampung ini?
101. Apakah pula perusahaan di kampung ini seperti kedai atau apa?
102. Adakah perusahaan itu dipelopori oleh penduduk Kampung Paya Lebar ataupun daripada pihak luar?
103. Apakah pula bangunan terawal yang dibina di Kampung Paya Lebar ini?
104. Apakah pula perubahan yang terdapat di Kampung Paya Lebar sekarang ini?
105. Apakah pula bangunan terawal yang dibina di Kampung Paya Lebar ini?
106. Apakah pula perubahan yang terdapat di Kampung Paya Lebar sekarang ini?
107. Jadi boleh encik tok ada keinginan lagi tidak untuk mengusulkan lagi cadangan itu?
108. Jadi, daripada manakah dana diambil untuk mendirikan masjid itu. Adakah daripada penduduk kampung sendiri ataupun daripada kerajaan?
109. Baik, apakah pula pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan di Kampung Paya Lebar ini seperti tadika ataupun sekolah rendah?
110. Apakah pula mercu tanda di Kampung Paya Lebar?
111. Apakah pula struktur pentadbiran kampung daripada permulaan sehingga kini?
112. Seperti macam contoh, siapakah pemimpin tertinggi, AJK ataupun orang yang bertugas untuk terutama?
113. Bagaimana untuk menyelesaikan masalah dan juga pentadbiran di kampung ini?
114. Baik, jadi adakah Kampung Paya Lebar ini pernah terpilih untuk mengadakan program-program ataupun aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan?
115. Ada banyak aktiviti dan program yang dijalankan di kampung ini, jadi berapakah kekerapan aktiviti anjuran?
116. Apakah pencapaian yang pernah diperoleh kampung ini?

117. Baik, jadi, apakah seperti mana yang di disediakan maklum, terdapat kursus dan juga latihan GDW yang telah dihadiri, jadi bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai kursus dan latihan yang telah dihadiri?
118. Baik, bolehkah pula tok jelaskan projek ekonomi yang telah diusahakan oleh GDW dan JKKKP di kampung ini?
119. Projek seperti tahun bilakah, nilai biaya dan jenis projek yang telah dilaksanakan?
120. Bolehkah encik bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai organisasi dan persatuan kampung?
121. Bolehkah encik bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai organisasi dan persatuan kampung?
122. Baiklah. Apakah pula pencapaian kampung ini? Bolehkah tok jelaskan lebih terperinci?
123. Baik, sekarang boleh tak encik lebih jelaskan dengan terperinci mengenai isu masalah kampung. Sepertimana yang kita telah ketahui, kampung ini pernah mengalami masalah rompak dan sebagainya. Jadi, boleh tak tok lebih jelaskan?
124. Jadi, boleh tak Tok lebih jelaskan dengan terperinci mengenai pekerjaan penduduk kampung. Sepertimana yang kita ketahui, pekerjaan di penduduk Kampung Paya Lebar ini ada pelbagai sektor. Jadi, boleh tak Tok lebih jelaskan.
125. Tok, boleh tak tok lebih jelaskan terperinci mengenai kegunaan tanah di penduduk kampung di Kampung Paya Lebar ini?
126. Baik, bagaimanakah pula rumah yang menjadi hak milik penduduk? Bolehkah tok jelaskan lebih terperinci berapa buah seperti kenderaan, binaan rumah, dan jenis rumah?
127. Bagaimanakah pula kemudahan telekomunikasi di kampung ini. Seperti komputer, internet. Adakah terdapat di kampung ini?
128. Jadi, adakah usaha atau pun pendapat untuk menambah baik apa jaringan telekomunikasi di kampung ini?
129. Baiklah tok. Bagi kediaman rumah, bolehkah tok jelaskan apakah tahap penyelesaian dan keselamatan semua rumah di kampung ini? Adakah semua rumah dalam keadaan baik, sederhana atau kurang baik?

130. Baiklah. Seperti mana yang disedia maklum, di Kampung Paya Lebar ini ada terdapat tanah kosong, jadi adakah ada usaha atau pun cadangan untuk menjadikan tanah kosong itu sebagai satu platform, kemudahan atau pun pelancongan?
131. Bagaimanakah tahap infrastruktur, bekalan air bersih, bekalan elektrik, sistem sanitasi, kemudahan perniagaan dan pusat pendidikan di kampung ini. Adakah dalam keadaan baik?
132. Jadi, adakah keinginan untuk menambah lagi kemudahan asas seperti Pusat ICT Desa, Perpustakaan Desa, pejabat, klinik desa, balai raya, dan rumah ibadat bagi kampung ini?
133. Seperti yang sudah disedia maklum, di kampung ini ada terdapat juga individu penting. Jadi, bolehkah tok jelaskan lebih terperinci siapakah mereka, apakah sumbangan yang telah mereka berikan kepada kampung ini?
134. Semasa kami menyelidiki mengenai Kampung Paya Lebar ini, kami telah menjumpai mengenai Rancangan Pelan Tindakan Desa, jadi, tok sebagai mantan ketua kampung, bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai Pelan Tindakan Desa?
135. Bagaimanakah pula program bantuan bagi penduduk kampung? Bolehkah tok jelaskan lebih terperinci mengenai program bantuan yang mungkin disediakan atau telah disediakan?
136. Seperti yang sedia maklum, terdapat kepercayaan ataupun mitos tentang orang zaman dahulu jadi adakah terdapat kisah-kisah mitos atau cerita rakyat di kampung ini? Dan jika ada boleh tok tolong ceritakan serba sedikit?
137. Apakah keistimewaan Kampung Paya Lebar ini?
138. Adakah terdapat makam-makam di kampung ini tok?
139. Adakah tok ada keinginan untuk melakukan kajian atau menyarankan penduduk kampung untuk melakukan seba sedikit kajian mengenai kubur Komunis tersebut?
140. Adakah kampung ini pernah mengalami unsur-unsur mistik?
141. Bagaimana persepsi masyarakat terhadap mitos seperti yang tok cakap sebentar tadi?
142. Adakah terdapat nilai-nilai murni yang boleh diambil daripada kisah-kisah ini?
143. Difahamkan kampung ini juga aktif dalam kegiatan kampung, pada tahun berapakah kegiatan kampung di kampung ini menjadi aktif?

144. Adakah ada persatuan atau kelab khusus untuk kegiatan Kompang Kampung Bistari di Kampung Paya Lebar?
145. Berapakah jumlah ahli kegiatan kompang?
146. Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan?
147. Baiklah bagi soalan iaitu masa depan, adakah kampung ini mempunyai perancangan untuk menambah infrastruktur kampung ini terutamanya seperti menambah bekalan elektrik, bekalan air, menambah institusi pendidikan dan sebagainya?
148. Adakah kampung ini juga pernah mempunyai perancangan untuk menambah sistem pendidikan di kampung ini? Seperti mana yang disedia maklum, sistem pendidikan merupakan satu elemen yang penting bagi sesebuah kampung untuk meningkatkan tahap pendidikan dan juga memajukan kampung. Jadi, apakah perancangan tersebut?
149. Jadi adakah penglibatan bagi sekolah dan juga institusi pendidikan yang lain, adakah dia terhad untuk penduduk kampung ini sahaja ataupun mungkin terbuka untuk murid-murid di kampung lain?
150. Baik, apakah pula rancangan masa depan bagi kegiatan kompang kampung ini. Adakah Tok ingin menambah lagi ahli bilangan atau menambah aktiviti atau pun menambah dana bagi memajukan lagi kompang di kampung ini sebagai satu sumber kewangan?
151. Baiklah, seperti yang di sedia maklum, tok merupakan mantan ketua Kampung Paya Lebar ini, Jadi, bagi posisi yang telah dipegang bagi individu lain, adakah harapan atau pun penambahbaikan yang tok harapkan daripada pengasas dan ketua kampung sekarang ini?
152. Baiklah. Jadi adakah tok akan bekerjasama dengan mereka semua untuk memajukan kampung ini atau pun sekadar memberi nasihat tunjuk ajar sahaja?
153. Baik. Jadi bagi soalan terakhir apakah kata-kata nasihat yang encik boleh berikan untuk renungan bersama?
154. Baiklah soalan terakhir, adakah tok akan terus berinteraksi dan juga mendengar masalah daripada penduduk kampung walaupun tok mungkin tidak berkhidmat lagi sebagai ketua kampung. Adakah tok akan terus melaksanakan tugas tersebut?

11.0 RALAT

Ketika temubual ini dijalankan, terdapat beberapa ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut adalah beberapa jenis ralat yang telah dirakamkan secara tidak langsung.

- **(Bunyi kerusi)**
- **(bunyi kertas)**
- **(bunyi kenderaan),**
- **(Mulut berdecep).**
- **(batuk)**
- **(pen jatuh)**
- **(bunyi cicak)**
- **(bunyi azan)**

Walaupun bagaimanapun, temubual kami bersama Encik Rahmad Bin Sidin berjalan dengan lancar. Ralat tersebut tidak mengganggu suara beliau ditambah lagi dengan bunyi pendingin hawa yang kedengaran dari awal sehingga habis wawancara. Hal ini adalah tidak disangka dan dapat dielakkan sepenuhnya kerana suara beliau masih boleh didengari.

12.0 RUMUSAN

Paya Lebar adalah merupakan satu kawasan hutan dara sebelum ianya dibuka untuk permohonan awam bagi tujuan pertanian pada sekitar tahun 1965. Sebelum penempatan di Kampung Paya Lebar dijadikan tempat penempatan, terdapat pelbagai flora dan fauna di sekelilingnya. Oleh kerana itu, sehingga kini pemandangan dan persekitaran yang terdapat di Kampung Paya Lebar sangat indah dan sentosa

Kampung ini mempunyai keunikannya yang tersendiri iaitu terdapat kubur pihak Komunis dan pihak Jepun bedekatan kampung, perkuburan itu sering mengimbau kembali fikiran penduduk Kampung Paya Lebar pada kisah lampau iaitu di era penjajahan penjajah di mana terdapat banyak kisah pahit maung yang terpaksa mereka tempuhi untuk menuntut kemerdekaan di negara tercinta ini.

Selain itu juga, Kampung Paya Lebar ini juga merupakan kampung yang berdaya saing sama ada dari segi ekonomi dan sosial. Terdapat pelbagai aktiviti ekonomi yang telah dijalankan di Kampung Paya Lebar seperti aktiviti penternakan lembu dan kambing. Selain itu, Kampung Lebar merupakan juga kampung yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan diantaranya terdapat pelbagai aktiviti seperti pertandingan ikon-ikon, sukaneka, aktiviti suka relawan dan sebagainya. Dek kerana kepesatan ekonomi dan perasaan muhibbah yang ada pada diri setiap penduduk Kampung Paya Lebar, kampung ini telah didiiktiraf dan didaftarkan sebagai Kampung Gerakan Daya Wawasan iaitu GDW dalam tahun 2000.

13.0 SENARAI RUJUKAN

1. Buku profil Kampung Paya Lebar yang disediakan oleh Encik Rahmad Bin Sidin.
2. Encik Rahmad Bin Sidin. (2017). Sejarah Penempatan Kampung Paya Lebar. Ditemu bual oleh Maisarah Mokhtar dan Hazimah binti Che Ithnin.


14.0 LAMPIRAN



Kami bersama-sama dengan mantan Ketua Kampung Paya Lebar yang banyak membantu kami mengadakan kajian.



Ini merupakan lampiran wawasan kampung





Jalan bertanah yang sudah dtukarkan menjadi jalan tar



Contoh aktiviti yang di jalankan




Contoh aktiviti surau dan masjid



Contoh aktiviti pertanian



Contoh aktiviti penternakan



INDEKS

A

AJK, 18,23,24,25,29

B

Bantuan, 16, 32, 33, 36

C

Cawangan, 14, 23,26,43

D

D.O, 3

E

Ekonomi, 1, 9, 18. 37, 40

F

Felda, 43

G

Gerakan, 19, 82

J

Jepun, 8,9, 52

K

Kesihatan, 1,41, 50, 56

L

Lampu Jalan, 24, 25, 31, 55

N

Nasi Kawah, 64

S

Sosial, 38, 49, 76

W

Warisan, 6, 67